**Isu tarah Bukit Gambir** MS4 & 24



**Naiktaraf pasar-pasar Seberang Perai** MS5

**Cadangan pindaan kanun kanak-kanak bawah umur** MS 7



PERCUMA

# buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA




**1 – 15, JUN 2013**

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

*Jasa dan pengorbananmu tidak ternilai. Selamat Hari Bapa buat semua bapa.*

# Merzagua hargai insentif RM250,000 Kerajaan Negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**



**JASENI Maidinsa (barisan pertama, dua dari kanan) menyerahkan cek bernilai RM250,000 insentif kepada Ramathula Haja Mydin (barisan pertama, dua dari kiri) sambil diperhati Ketua Menteri serta para pemain FAP pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.** ***Gambar oleh, Mohd. Hafiz Tajudin.***

**GEORGE TOWN** - Jurulatih Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Merzagua Abderrazak merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas pemberian insentif RM250,000 di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, FAP yang menjuarai Liga FAM baru-baru ini hatta melonjak masuk ke Liga Perdana pada musim saingan depan akan membuat persembahan lebih baik demi menghargai sokongan peminat pasukan bola sepak tersebut.

"Saya sangat menghargai kerana ini kali kedua (FAP) terima (insentif). Kali pertama (menerima insentif RM450,000) semasa musim Liga Malaysia bermula.

"Terima kasih banyak-banyak kerana begitu cakna dengan pasukan kami sejak dari awal musim hingga musim (Liga Malaysia) berakhir," ujar Merzagua pada sidang media khas bersama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Komtar di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Ir. Jaseni Maidinsa, Ramathula Haja Mydin (Setiausaha Kehormat FAP) dan pegawai-pegawai FAP serta seluruh pemain utama turut hadir pada sidang media itu.



**MERZAGUA Abderrazak.**

Bercakap pada sidang media sama, Ramathula berkata, pihaknya akan menggandakan usaha supaya FAP melakukan persembahan terbaik dalam Liga Perdana yang dijadual bermula tahun depan.

"Kami berjanji dalam Liga Perdana tahun depan, kami akan buat (persembahan) sebaik mungkin untuk melonjak diri ke Liga Super," ujar beliau.

Sebelum itu, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri melalui PBAPP menyumbang RM250,000 lagi sebagai menghargai kejayaan FAP menjuarai Liga Malaysia.

"Sebelum ini, Kerajaan Negeri telah memberikan RM450,000 kepada FAP. Dengan sumbangan RM250,000 lagi sebagai insentif, keseluruhannya berjumlah RM700,000.

"Kalau lebih banyak kemenangan dan kejayaan, Kerajaan Negeri tentu akan memberi banyak lagi insentif," ujar beliau.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, tiada campur tangan ahli politik dalam FAP merupakan salah satu punca persatuan bola tersebut kian maju.

"(Ini) menunjukkan pendekatan Kerajaan Negeri ke atas sukan adalah betul iaitu kita tidak mahu orang politik yang tidak tahu tentang sukan menjadi pemimpin (persatuan sukan).

"Lebih baik orang yang berbakat dalam sukan memimpin sukan. Janganlah panggil itu menteri-menteri yang tak ada masa langsung, dia hanya menjadi 'hiasan' sahaja, bagi susah pada semua orang," ujar beliau.

Difahamkan, sesi pentadbiran FAP lepas menyaksikan Pulau Pinang pernah berada pada tangga corot ekoran permainan politik yang keterlaluan di bawah pengaruh pengerusinya, Zahrain Mohamed Hashim (bekas Ahli Parlimen Bebas bagi kawasan Bayan Baru).

Justeru, Guan Eng berkata, budaya persaingan yang bebas dari pengaruh politik perlu terus wujud dalam kalangan pemain dan pentadbiran FAP demi memastikan persatuan sukan itu terus dilihat profesional.

"Kalau tak ada keputusan baik, saya rasa biar ia diputuskan oleh ahli-ahli untuk pilih mereka yang paling berpakaran, bukan mereka yang paling berpangkat (ahli politik)," ujar Guan Eng.

# Biar lambat asal selamat - KM



KETUA Menteri memerhatikan catatan kerja-kerja menyelamat pasukan penyelamat di lokasi kejadian.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri baru-baru ini menyampaikan bantuan ehsan RM5,000 kepada balu-balu Allahyarham Tajudin Zainal Abidin, 45, yang ditemui maut dalam tragedi runtuhan tanjakan konkrit Jambatan Kedua Pulau Pinang pada 6 Jun lalu di sini.

Balu Allahyarham, Shara Ismail, 45 dan Shariffah Ramli, 40, walau bagaimanapun, masing-masing masih terkejut dengan berita pemergian suami tercinta.

Buletin Mutiara sempat menemubual adik kepada Allahyarham, Khairudin Zainal Abidin, 44 dan Laldin Zainal Abidin, 39, yang hadir menemani balu Allahyarham di Pejabat Ketua Menteri baru-baru ini.

Hadir sama, keempat-empat cahaya mata perempuan Allahyarham, Nur Izzaty Syahirah, 12, Nur Izzaty Syafiqah, 8, Nur Aina Syazwani, 11 dan Nur Ain Maisara, 7.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan rasa simpati beliau dan berjanji akan membantu mangsa untuk mendapat nasihat guaman sekiranya perlu.

Sementara itu, beliau turut menyarankan agar arahan memberhentikan kerja-kerja pembinaan serta-merta yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) harus dikekalkan.

"Arahan itu perlu dikekalkan sehingga MPPP dan Kerajaan Negeri yakin bahawa keadaan jambatan tersebut selamat.

"Projek ini akan mengalami kelewatan, tetapi biar lambat asal selamat," tegas beliau.



SHARA Ismail (empat dari kiri) dan Shariffah Ramli (lima dari kanan) menerima bantuan ehsan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

## Zakat korporat Bank Rakyat RM1.12 juta, RM220,000 Bank Islam

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB & AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) masing-masing menyerahkan zakat korporat berjumlah RM1,127,968 dan RM220,000 kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP) baru-baru ini.

Pengarah Urusan Bank Rakyat, Datuk Mustafha Abd. Razak menyerahkan replika cek zakat itu melalui Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas.

"Pemberian zakat perniagaan ini adalah hasil keuntungan yang diperoleh menerusi operasi perniagaan di tujuh buah cawangan Bank Rakyat iaitu George Town, Seberang Jaya, Bukit Mertajam, Bayan Baru, Jelutong, Jawi dan Kepala Batas," ujarnya pada majlis penyampaian khas di Komtar di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman (Ahli Lembaga Pengarah ZPP) menyaksikan majlis tersebut.

Manakala, Pengarah Urusan BIMB, Datuk Seri Zukri Samat dalam satu majlis berasingan turut menyerahkan replika cek zakat melalui Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man.

Mohd. Salleh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir berkata, pihaknya berharap lebih banyak lagi badan korporat dapat menunaikan zakat perniagaan masing-masing seperti BIMB.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Mohd. Rashid, Abdul Malik, Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Pulau Pinang), Azman Abdul Samat (Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang) dan Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC) menyaksikan majlis itu di Komtar di sini.




(Dari kiri), ABDUL Malik Abul Kassim, Mohd. Rahid Hasnon, Abdul Rahman Abbas, Mustafha Abd. Razak dan Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman pada majlis penyerahan cek zakat perniagaan Bank Rakyat di sini baru-baru ini.

# PESAT lahirkan anak muda cemerlang & unggul

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Gelombang kebangkitan suara anak muda yang menyokong keadilan, kebenaran dan semangat setiakawan mampu memberi anjakan paradigma pada kemajuan negara, kata Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon pada Majlis Penutupan Program Malaysia: Impan Anak Muda 'Anak Muda Mencorak Masa Depan Malaysia' di sini baru-baru ini.

Mohd. Rashid yang juga Pengerusi Majlis Perundingan Mahasiswa Pulau Pinang turut menyatakan bahawa anak muda adalah tonggak masa hadapan agama, bangsa dan tanah air.

"Suara dan impian anak muda adalah menjadi sebahagian kepedulian Kerajaan Negeri terutama golongan mahasiswa yang mempunyai buah fikiran yang masih segar dan bersemangat waja.

"Syabas kepada mahasiswa yang bangkit dan peka akan situasi semasa," katanya ketika menerima kunjungan mahasiswa dari Sekretariat Anak Muda Teraju Negara (AMTeN) di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Tambahnya, golongan mahasiswa perlu menerapkan elemen PESAT iaitu *Professionalism, Excellence, Self-dicipline, Active learning* dan *Teamwork*.

"Melalui PESAT, anak-anak muda terutama golongan mahasiswa mampu menjadi insan yang cemerlang dan unggul.

"Tahniah kepada semua mahasiswa yang menjayakan Program Malaysia: Impian Anak Muda dalam membentuk suatu platform bagi anak muda untuk sama-sama membangunkan negeri dan negara mengikut corak yang diingini rakyat," ucap Mohd. Rashid.

Dalam majlis sama, Mohd. Rashid turut menerima bingkisan gambar khas menunjukkan gerak kerja anak-anak muda AMTeN dalam menjayakan Program Malaysia: Impian Anak Muda.

Antara program yang dijalankan oleh AMTeN adalah *'roadshow'*, *'public speaking'* dan pameran dalam usaha memungut suara anak-anak muda di Pulau Pinang. Hasilnya dirakamkan dalam video dan juga buku rekod khas diterbitkan AMTeN.



**MOHD. Rashid Hasnon (depan, dua dari kiri) menerima bingkisan gambar khas daripada Pengerusi Sekretariat Anak Muda Teraju Negara, Mohamad Syafiq Alamsah (depan, kanan sekali) ketika mengadakan kunjungan khas di sini baru-baru ini.**

## Kerja naiktaraf jalan RM16.1 juta demi rakyat

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



**LAKARAN grafik jalan-jalan yang terlibat dalam usaha menaiktaraf di sini.**

**GEORGE TOWN –** Pemangku Timbalan Pengarah Kejuruteraan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), A. Rajendran baru-baru ini mengumumkan baki tiga projek menaiktaraf Jalan Masjid Negeri di sini dan kawasan sekitarnya kini masih lagi dalam fasa perancangan dan implementasi.

Tiga projek tersebut merangkumi kerja menaiktaraf di sebahagain Bulatan Udini, menaiktaraf Jalan Masjid Negeri dan kawasan sekitarnya serta menambahbaik aliran lalulintas di Jalan Masjid Negeri dan kawasan sekitarnya.



**A.Rajendran.**

Beliau berkata, tujuan ketiga-tiga projek tersebut adalah untuk melegakan kesesakan dan melicinkan aliran lalulintas sepanjang Jalan Masjid Negeri dan persimpangan-persimpangan yang terlibat.

"Di antara kerja-kerja menaiktaraf dan penambahbaik ialah membina aliran bebas *'u-turn'* dalam struktur jambatan di sebahagian Bulatan Udini, meluaskan laluan Jalan Masjid Negeri sehingga persimpangan Jalan Delima, mengubahsuai persimpangan Jalan Yeap Chor Ee dan persimpangan Jalan Delima.

"Kita juga akan membina tempat letak kereta di sebahagian kawasan lapang dan membina sistem perparitan seperti memasang longkang berbentuk 'U' dan pembentung jenis siap.

"Kerja-kerja lain adalah seperti pembersihan, kerja tanah, perabot jalan, pengurusan lalulintas dan pemasangan lampu jalan," ujarnya pada satu sidang media di Komtar baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Keseluruhan projek dianggarkan berjumlah RM16.1 juta yang mana dua projek telah menjalani fasa implementasi 25 peratus dan satu projek dijangkakan dimulakan pada Ogos 2013 depan.

Turut diumumkan ialah tiga projek menaiktaraf persimpangan lalulintas Lebuhraya Thean Teik/Lorong Batu Lanchang, menaiktaraf Jalan Air Itam di bahagian persimpangan Jalan Masjid Negeri/Jalan Scotland/Jalan Air Itam, menaiktaraf Jalan Gottlieb dan sebahagian Jalan Bagan Jermal yang telah siap sepenuhnya.

Dalam pada itu, Guan Eng berkata, semua kerja menaiktaraf tersebut membuktikan komitmen MPPP dalam mengurang dan mengatasi kesesakan trafik di Pulau Pinang.

"Ini adalah salah satu alternatif dan inisiatif MPPP dan Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kesesakan trafik di Pulau Pinang dan memberikan lebih keselesaan kepada pengguna jalan raya," ujar beliau.

## Nelayan lega ADUN cepat selesai kos bencana alam

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BATU MAUNG –** Seramai 30 nelayan pantai Batu Maung menarik nafas lega apabila jeti serta beberapa bot mereka yang musnah dipukul ribut pada 11 Mei lepas segera diselesai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan berkenaan, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Pengerusi Persatuan Nelayan Batu Maung, Tan Kok Leong, 52, berkata, Abdul Malik mengeluarkan peruntukan peribadinya berjumlah RM22,870.50 dulu bagi membeli papan untuk membaik pulih jeti tersebut, sementara, menunggu peruntukan berwajib daripada Kerajaan Negeri.

Itu, tidak termasuk RM4,000 kos upah 30 nelayan berwajib yang bergotong-royong membaik pulih jeti itu.

"Datuk (Abdul Malik) suruh ambil papan dari kedai papan dulu...kerja baik pulih jeti siap dalam masa enam hari saja," ujarnya baru-baru ini di perkarangan Dewan Memori Tapak Kaki Sam Poh di sini.

Abdul Malik yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan) turut hadir pada sidang media di sini.

Difahamkan, bencana alam tersebut serentak melanda pantai Permatang Damar Laut di sini dan pantai Sungai Batu dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayan Lepas.

Seorang lagi mangsa, Wan Senapi Abdul Hamid, 34, turut memuji inisiatif Abdul Malik kerana menyampaikan RM1,400 sumbangan kilat di bawah peruntukan Tabung T.Y.T Untuk Bencana Alam Pulau Pinang.

Beliau berkata sumbangan itu digunakan untuk membeli pukat baru serta membaiki bot pantai yang rosak.

"Enjin bot rosak. Empat pukat dibawa arus di Permatang Damar Laut, bukan di sini (Batu Maung). Sumbangan kilat ini dapat mengurang beban," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini.

Sebelum pada itu, Abdul Malik berkata, semua mangsa bencana alam menerima sumbangan berdasarkan taksiran kemusnahan harta masing-masing.

Di bawah Tabung T.Y.T, beliau berkata, mangsa layak menerima 10 peratus sumbangan tunai daripada taksiran kerugian masing-masing.

"Nelayan akan tunggu lebih lama kalau tunggu proses tender ini...maka, saya telah memberi arahan kepada mereka pergi ambil dulu papan di kedai papan dan gotong-royong baiki sendiri jeti yang terputus itu.

"Katakanlah, Tabung T.Y.T beri RM300, saya tambah RM300 lagi menggunakan peruntukan saya sendiri," jelasnya.

Beliau bersama-sama Dr. Afif turut menyempurnakan majlis penyerahan sumbangan tunai kepada semua mangsa berwajib.



**TAN Kok Leong.**



**WAN Senapi Abdul Hamid.**

# Dakwa segera pemilik tanah tarah Bukit Gambir - Kon Yeow



KEADAAN bukit yang ditarah tanpa kebenaran MPPP di Cangkat Bukit Gambir di sini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BATU UBAN -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akan mengambil langkah perundangan ke atas pemilik tanah Cangkat Bukit Gambir di sini yang didakwa memugar tanah persendirian itu tanpa kelulusan majlis.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pihaknya masih menunggu proses pengesahan pemilik tanah daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) negeri sebelum mengemukakan laporan penuh kepada Timbalan Pendakwa Raya.

"Dalam kes ini, tuan tanah telah mengabaikan tanggungjawab perundangan kerana memulakan kerja (memugar tanah bukit) tanpa kelulusan (MPPP)," katanya selepas melawat tapak berkenaan pada 27 Mei lepas di sini.

Setiausaha Perbandaran, Ar. Ang Aing Thye, Roslan Ramly (Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan MPPP), Ir. Addnan Mohd. Razali (Pengarah Jabatan Kejuruteraan) turut hadir pada sidang media itu.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota berkata, pihaknya telahpun menyerahkan notis pemberhentian operasi serta-merta kepada pihak yang dipercayai sebagai tuan tanah bagi mengelak kesan berantai lain seperti hakisan tanah serta tanah runtuh di kawasan kediaman berdekatan.



Terdahulu, beberapa akhbar tempatan dilapor mendedahkan mengenai aktiviti penarahan tanah bukit melebihi ketinggian 250 kaki dari paras laut.

Difahamkan, sebahagian dari kawasan tarahan itu berkecerunan melebihi 25 darjah dan dianggap berbahaya bagi warga setempat.

Dalam perkembangan sama, Aing Thye semasa disoal balas oleh wartawan berkata, pihaknya masih tidak dapat mengenal pasti tujuan sebenar tanah persendirian itu ditarah.

# Gesa Pusat tunai janji bina semula sekolah 66 tahun

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**AIR ITAM –** Kerajaan Persekutuan digesa memenuhi janji bagi membina semula Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ramakrishna (SJKT) berusia 66 tahun dengan kos pembinaan berjumlah RM3.5 juta pada kadar segera.

Gesaan tersebut disuarakan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo ketika lawatan beliau bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng ke sekolah tersebut baru-baru ini di sini.

Jagdeep berkata, sebelum ini, bangunan sekolah tersebut telah diisytiharkan tidak selamat diduduki oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada Disember lalu.

"Buat masa ini, pihak pengurusan (sekolah) menggunakan dewan sebagai alternatif penyelesaian dengan membahagikan kepada enam bilik darjah kerana salah satu dari puncak bumbung sekolah telah rosak dan tidak stabil serta mampu mendatangkan bahaya kepada pelajar.

"Agak sukar dan tidak selesa untuk para pelajar yang terpaksa berkongsi dewan.

"Justeru, saya menggesa agar pihak bertanggungjawab mengotakan janji mereka secepat mungkin untuk membina sekolah ini," katanya pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pemangku Presiden Asrama Ramakrishna, Dr. A. Subramaniam.

Bangunan baru SJK (T) Ramakrishna bakal mempunyai 18 kelas bilik darjah dengan penambahbaikan menjadikan ia lebih besar berserta kemudahan lebih baik.

Dalam pada itu, sebagai tindakan lanjut, Subramaniam menyatakan bahawa pihaknya akan menulis surat kepada Kerajaan Persekutuan berhubung kes berkenaan.

"Tujuannya adalah untuk 'mengingatkan' kembali tentang pembinaan yang telah dijanjikan.



KEADAAN bumbung dan bangunan sekolah yang mengalami kerosakan dan mampu mendatangkan bahaya kepada pelajar.

"Kerajaan Persekutuan sebelum ini telah mengumumkan projek pembinaan semula sekolah yang mengambil jangka masa selama sembilan bulan untuk disiapkan bermula April lalu," tegas beliau.

# Peruntukan RM11.1 juta naiktaraf pasar awam Seberang Perai




**KETUA Menteri, Anwar Ibrahim (tiga dari kiri), Mohd. Rashid Hasnon (kiri sekali), Maimunah Mohd. Sharif (dua dari kiri) bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan banting Majlis Perasmian Pasar Awam Samagagah di sini baru-baru ini.**

**Oleh : MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**PERMATANG PAUH –** Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) memperuntukkan RM11,119,100 bagi mempertingkatkan fasiliti dan keselesaan para pengguna pasar awam di seluruh Seberang Perai di sini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif berkata, daripada jumlah itu, RM5 juta diperuntukan bagi menaiktaraf tiga buah pasar awam iaitu Pasar Awam Sri Bandar, Butterworth, Pasar Awam Samagagah, Permatang Pauh dan Pasar Awam Taman Berjaya, Nibong Tebal.

"Pada masa sama, MPSP turut menerima RM1,119,100 daripada Kerajaan Negeri bagi menaiktaraf dua pasar awam iaitu Pasar Awam Kampung Baru dan Pasar Awam Berapit.

"Sebagai tambahan, sebuah pasar awam bakal dibina di Juru dengan peruntukan sebanyak RM1 juta dan dijangka siap pada bulan Disember ini," katanya pada Majlis Perasmian Pasar Awam Samagagah di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut hadir, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Ahli Parlimen Nibong Tebal, Datuk Mansor Othman; Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin dan ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon.

Maimunah memberitahu, RM5 juta juga telah diperuntukan bagi pembaikan kecil di 23 pasar awam MPSP di seluruh Seberang Perai.

Dalam pada itu, Guan Eng melahirkan rasa gembira di atas perkhidmatan cemerlang ditunjukkan tenaga kerja MPSP ketika menjalankan kerja-kerja menaiktaraf kemudahan awam di Seberang Perai.

"Kita telah melihat perubahan yang amat ketara. Saya harap galakan yang ditunjukkan rakyat kepada YDP MPSP dapat dilihat secara berterusan menerusi penaiktarafan kemudahan yang disediakan.

"Sejajar itu, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk menambah anggota-anggota kerja MPSP.

"Dengan ini, kita harap kepimpinan MPSP dapat memberikan kemudahan yang sama baik dan sama taraf kepada semua di Seberang Perai," ujar beliau.




**CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) bersalaman dengan Lee Kai Eng (kiri sekali) sambil diperhati pemimpin Persatuan Apex Pulau Pinang lain selepas sidang media bersama di Taman Manggis di sini baru-baru ini.**

# Apex P. Pinang taja kerusi rekreasi Taman Manggis

**Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Komuniti Taman Manggis di Jalan Zainal Abidin di sini akan menempuhi kehidupan yang lebih selesa kerana taman mini dekat kediaman mereka bakal dinaiktaraf melalui projek tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Presiden Kelab Apex Pulau Pinang, Lee Kai Eng berkata, pihaknya berminat untuk menaja empat set kerusi meja batu dan enam kerusi sandar batu lain untuk kemudahan rekreasi warga setempat.

Menurut beliau, inisiatif itu diharap dapat membantu warga setempat untuk rehat selepas berjalan atau bersenam di sini.

"Beberapa bangku ini disediakan sebagai keperluan supaya mereka (penduduk) boleh duduk untuk menikmati keindahan malam.

"Inisiatif ini dilakukan sebagai partisipasi kami kepada masyarakat dan Kerajaan Negeri (Pulau Pinang)," ujarnya pada majlis penyerahan berkenaan di sini baru-baru ini.

Difahamkan, kos keseluruhan CSR itu menelan belanja kira-kira RM4,000.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan banjir, Chow Kon Yeow dalam reaksi spontan merakamkan penghargaan kepada NGO tersebut.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri berharap lebih banyak lagi NGO tampil melakukan inisiatif serupa Apex.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Kelab Apex untuk penajaan mereka," kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota itu.

# Luaskan konsumerisme produk hijau di negeri

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri akan meluaskan penggunaan 'produk hijau' di negeri berkenaan.

"Contohnya kalau nak dapat projek dari Kerajaan Negeri, kita juga akan mengambil kira mana-mana syarikat yang mampu menawarkan produk atau hasil kerja yang membantu ke arah kehijauan," ujar beliau pada majlis sidang media di Komtar baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih itu berkata, Kerajaan Negeri melalui Majlis Hijau Pulau Pinang (PGC) akan terus menggiatkan kempen kehijauan seperti penggunaan kertas hasil kitar semula serta dakwat berasaskan sumber soya.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng menasihati Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya meningkatkan rondaan cegah jenayah di negeri berkenaan.

Ini kerana, katanya, kadar jenayah negeri sejak awal tahun ini difahamkan menunjukkan peningkatan.

Justeru, kata Guan Eng, Pulau Pinang wajar terus dilihat sebagai negeri yang berjaya menurunkan indeks jenayah seperti sebelum.

# Syarikat Jerman minat labur di negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**



DR. Guenter Georg Gruber.

**GEORGE TOWN –** Malaysia amnya perlu melahirkan lebih ramai lagi tenaga kerja mahir dalam usaha menarik pelabur asing untuk meningkatkan jumlah pelaburan langsung asing (*Foreign Direct Investment* – FDI), kata Duta Jerman ke Malaysia, Dr. Guenter Georg Gruber.

Dr. Gruber berkata, Malaysia mempunyai sumber asli dan potensi terbaik untuk menarik minat pelabur jika dibandingkan dengan Jerman yang tidak mempunyai sumber asli.

"Walau bagaimanapun di Jerman, kami mempunyai pengalaman beratus-ratus tahun dalam menggabungkan latihan teori dan praktikal melalui program perintis kerana kami tahu bahawa tenaga kerja mahir adalah lebih penting daripada teori dalam akademik," katanya ketika mengadakan kunjungan hormat di Pejabat Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, jumlah pekerja mahir berkurangan dalam negara menjadikan pelabur terpaksa membawa masuk tenaga kerja mahir dari luar sehingga menyebabkan ia lebih mahal untuk syarikat-syarikat berpengkalan di sini.

"Malaysia adalah lokasi yang strategik dan pesat membangun dalam kalangan negara-negara di ASEAN.

"Tetapi ramai pelabur berpotensi masih menghadapi masalah dalam mendapatkan pekerja mahir," jelas Dr. Gruber.

Tambahnya, kekurangan tenaga kerja mahir turut melibatkan pengendalian teknikal dan kejuruteraan.

Nyatanya, menurut laporan *The Grant Thornton International Business* pada bulan April lalu menyatakan bahawa 62 peratus dalam lapangan perniagaan di Malaysia mendakwa sukar mendapatkan tenaga kerja mahir.

Bagaimanapun, Dr. Gruber berkata, hubungan dua hala antara Malaysia dan Jerman semakin kukuh dan menjangkakan pelaburan Jerman akan mencecah 11 bilion Euro tahun ini.

"Syarikat-syarikat dari Jerman masih lagi berminat untuk melabur di Malaysia terutamanya di Pulau Pinang kerana setanding dengan apa yang diharapkan oleh pelabur luar.

"Malaysia terutamanya Pulau Pinang mempunyai peluang yang cerah dalam *ASEAN Economic Community 2015* dan *Free Trade Agreemant* bersama Kesatuan Eropah," ujarnya.

Pada masa sama, Dr. Gruber turut memberi jaminan bahawa lebih banyak syarikat-syarikat berskala kecil dan sederhana akan memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut menyatakan Jerman merupakan pelabur keempat terbesar di Malaysia dan menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan utama pelabur dari Jerman.



LYDIA Ong Kok Fooi (kiri) dan Chong Eng berjabat tangan sambil bertukar-tukar cenderamata pada Majlis Suai Kenal dan Penghargaan di sini baru-baru ini.

## Jasa mantan Exco dihargai

**SUAI KENAL...** Bagi menghargai dan mengenang jasa sumbangan mantan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) mengambil inisiatif menganjurkan sebuah majlis khas di sini baru-baru ini.

Turut diperkenalkan pada majlis tersebut adalah Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian yang baru, Chong Eng.

Hadir sama, Pengarah MSNPP, Frederick Tan Teck An, Timbalan Pengerusi II MSNPP, Datuk Ong Poh Eng dan wakil dari setiap persatuan sukan negeri.

Kok Fooi dalam ucapannya percaya bahawa tahap sukan di negeri Pulau Pinang akan lebih maju dan mampu mengembalikan kegemilangan sinaran sukan yang terunggul dalam negara.

## Lawatan rasmi timba ilmu

**LAWATAN RASMI...** Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin baru-baru ini mengadakan lawatan rasmi terhadap Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita Negeri Selangor, Rodziah Ismail.

Menurut Dr. Afif, lawatan tersebut adalah bertujuan mengeratkan lagi hubungan dua hala antara dua negeri di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat (PR).

Selain itu, Dr. Afif memberitahu bahawa lawatan tersebut lazimnya dapat membantu beliau menjalankan amanat sebagai seorang Exco bertanggungjawab dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).




DR. Afif Bahardin (kiri) bergambar kenangan bersama-sama Rodziah Ismail pada lawatan rasmi beliau ke Selangor baru-baru ini.

# Penerbangan semula erat hubungan dua ‘bandar’

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN LEPAS -** Hubungan dua hala Pulau Pinang - Medan bakal dipereratkan lagi dengan kembalinya penerbangan dua kali sehari oleh syarikat penerbangan, Garuda Indonesia di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, syarikat penerbangan sama telah menamatkan perkhidmatan tersebut pada tahun 2003 atas faktor yang tidak dapat dielakkan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, inisiatif tersebut pastinya disambut baik Kerajaan Negeri kerana ia bakal memberikan impak positif kepada pertumbuhan ekonomi dan sektor pelancongan bagi kedua-dua ‘bandar’ ini.

“Tambahan pula, Medan merupakan sebuah kota yang menjadi pintu masuk ke Indonesia Barat khususnya Sumatera,” ujarnya ketika menyambut ketibaan pesawat pertama dari Medan ke Pulau Pinang di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas Pulau Pinang (LTABLPP) di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon.

Penerbangan yang beroperasi dua kali sehari tersebut mampu menerbangkan seramai 92 penumpang untuk setiap perjalanan.




**PESAWAT Garuda Indonesia yang memulakan semula operasi penerbangan dua kali sehari Pulau Pinang – Medan.**

Malah, pengoperasian semula berkenaan juga bakal memberi saingan kepada syarikat-syarikat sedia ada seperti *Air Asia, Firefly, Sriwijaya* dan *Wings Air.*

Dalam pada itu, Duta Konsul Jeneral Indonesia ke Pulau Pinang, Sofiana Mufidah berkata, dengan adanya penerbangan terbabit, bidang perubatan negeri juga bakal memperoleh manfaat yang baik.

“Seperti yang kalian ketahui, pelancong dari Medan bukan sahaja berkunjung ke sini untuk melancong, malah juga bagi mendapatkan rawatan di rumah sakit (hospital) di Pulau Pinang,” jelas beliau.

# Pindaan kanun lindungi kanak-kanak bawah umur perlu

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Pindaan undang-undang harus dilaksanakan dalam kes melibatkan kanak-kanak bawah umur sebagai mangsa rogol dan cabul dalam negara.

Kenyataan tersebut ditegaskan aktivis, Datuk S. Ambiga pada penganjuran forum *‘Protecting Our Children: Evaluating Statutory Rape’* anjuran *Penang Institute* (PI) bertujuan membincangkan isu berkaitan perundangan melibatkan kes-kes rogol dan cabul kanak-kanak bawah umur di Malaysia.

Menurut Ambiga, setakat ini, apabila isu dikaitkan dengan jenayah, undang-undang yang termaktub tidak mengambil kira persetujuan mangsa (kanak-kanak bawah umur) kerana undang-undang mengandaikan mangsa tidak boleh bersetuju.

“Hal ini yang perlu disemak semula dan jika perlu, ianya harus dipinda agar tidak ada lagi kes-kes ‘berlembut’ dengan pesalah rogol dan cabul kanak-kanak bawah umur,” tegasnya pada penganjuran forum tersebut di sini baru-baru ini.

Ambiga berkata demikian dengan merujuk kepada kes pemain boling kebangsaan, Noor Afizal Azizan, 21, dan juruelektrik, Chuah Guan Jiu, 22, yang disabitkan kesalahan rogol kanak-kanak bawah umur.

Noor Afizal dan Guan Jiu dari Pulau Pinang ‘dilepaskan’ dari hukuman penjara atas sabit kesalahan merogol kanak-kanak berusia 13 tahun dan 12 tahun masing-masing.

Kes terbaru adalah di Inaman, Sabah yang mengejutkan pelbagai pihak apabila pencabul berusia 40 tahun yang didakwa merogol kanak-kanak berusia 12 tahun ‘dibebaskan’ setelah pencabul bersetuju untuk berkahwin dengan kanak-kanak berkenaan.

Walaupun mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan bagi kesalahan merogol kanak-kanak di bawah umur.

Ambiga yang juga merupakan pembahas forum tersebut turut mempersoalkan sama ada undang-undang membenarkan hukuman ke atas pesalah yang menggoda dan memerangkap mangsa melalui laman sesawang.

“Di Kanada, mengumpan (sama ada menggoda atau memerangkap mangsa) di laman sesawang adalah suatu kesalahan.

“Sepatutnya kita adakan suatu akta bagi melindungi anak-anak kita yang melayari laman sesawang (dari sebarang godaan dan perangkap) kerana terdapat kekangan yang dihadapi ibu bapa untuk mengawasi anak-anak sepanjang masa,” tegas beliau.

Bagi Pengarah Eksekutif *Sisters In Islam* (SIS), Ratna Osman berkata, adalah penting untuk Mahkamah Shariah menjelaskan peruntukan undang-undang yang hanya akan membenarkan usia perkahwinan bagi lelaki yang berusia 18 tahun dan perempuan berusia 16 tahun.




**(Dari kiri), RATNA Osman, Chong Eng, Dr. Norlela Ariffin dan S. Ambiga pada penganjuran forum *‘Protecting Our Children: Evaluating Statutory Rape’* di sini baru-baru ini.**

“Dalam kes di mana kanak-kanak perempuan yang dirogol berusia 13 tahun, Mahkamah Shariah telah membenarkannya berkahwin dengan perogol, harus dipinda.

“Jika seseorang yang berusia bawah umur tidak dibenarkan untuk membeli rokok, memandu atau mengundi, mengapa perlu ada kelonggaran membolehkan kanak-kanak berkenaan untuk berkahwin? Apakah ini yang dikatakan negara membangun?,” katanya yang turut menjadi pembahas pada forum berkenaan.

Manakala, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng pula berpendapat bahawa perlunya sistem perundangan mematuhi konvensyen antarabangsa berkaitan salah laku yang melibatkan kanak-kanak di bawah umur.

“Di bawah Akta Kanak-kanak 2001, kanak-kanak ditakrifkan sebagai mereka yang berusia 18 tahun ke bawah yang mana telah ditetapkan oleh konvensyen antarabangsa mengenai hak kanak-kanak.

“Ia diiktiraf di peringkat antarabangsa dan menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk memelihara hak anak-anak mereka,” tegasnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Forum *‘Protecting Our Children: Evaluating Statutory Rape*’ dikelola oleh ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin dan dirasmikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

# Selenggara bangunan warisan demi keselamatan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Pemilik-pemilik bangunan warisan berusia melebihi 100 tahun di sekitar tapak warisan di sini digesa mengambil perhatian serius dan menyelenggara premis masing-masing bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku.

Gesaan tersebut disuarakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lei Heng ekoran kejadian tiga premis runtuh di Jalan Dr. Lim Chwee Leong baru-baru ini.

Lai Heng pada satu sidang media menasihati agar pemilik-pemilik premis mengemukakan pelan merancang kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) agar kerja baik pulih dapat dijalankan.

“Bandar George Town semakin dikenali dan hartanah di sini sangat bernilai. Daripada dibiarkan usang, tidak dijaga dan roboh begitu sahaja, seeloknya ia diperindah, dikekalkan dan dijaga untuk dimajukan.

“Pemilik seharusnya memastikan bangunan kepunyaan mereka selamat dan tidak membiarkannya usang begitu sahaja dengan semak samun dan pokok tumpangan tumbuh meliar yang sedikit sebanyak mencacatkan keindahan bandar warisan selain mengancam keselamatan awam,” ujarnya selepas melawat tapak-tapak runtuhan tersebut baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Arkitek Warisan Jabatan Warisan MPPP, Fazreen Dharleila Abdul Jalil.

Dalam perkembangan sama, Lai Heng berkata, MPPP telah mengemukakan notis kepada para pemilik berkenaan dengan gesaan untuk membaikpulih dan melaksanakan kerja-kerja pembersihan pada kadar segera.

“Jabatan Warisan MPPP telah mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan supaya kacau ganggu dihapuskan iaitu mengeluarkan pokok liar dan memastikan bangunan tersebut berada dalam keadaan selamat.

“Notis selama 14 hari telah dikeluarkan kepada pemilik supaya melakukan sesuatu dengan memasang fasad atau struktur agar ia tidak memudaratkan orang ramai yang melalui kawasan runtuhan.

“Sekiranya masih ingar, pihak Jabatan Warisan MPPP berhak mengenakan tindakan sewajarnya,” tegas beliau.



BANGUNAN warisan yang ditumbuhi pokok tumpangan.



TEH Lai Heng (kiri) menunjukkan bangunan warisan yang runtuh kepada Fazreen Dharleila Abdul Jalil di Jalan Dr. Lim Chwee Leong di sini baru-baru ini.

## Maklum balas penduduk selesai paip najis & air bersih

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**AIR ITAM –** Kira-kira 3,227 penghuni di lapan blok Projek Perumahan Awam Kos Rendah Padang Tembak yang mengalami masalah kerosakan paip najis dan air bersih mampu menarik nafas selesa apabila permasalahan tersebut memperoleh perhatian Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo baru-baru ini di sini.

Jagdeep dalam satu sidang media berkata, hampir 180 aduan diterima pihaknya berhubung kes berkenaan sebelum ini.

Lanjutan itu, Jagdeep menyatakan bahawa beliau menggesa agar pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) bertanggungjawab ke atas projek bernilai RM5 juta tersebut memberikan penjelasan serta menyediakan langkah alternatif yang perlu diambil.

“Kita telah mengadakan mesyuarat bersama JKR dan kontraktor dilantik. JKR telah bersetuju untuk turun ke setiap unit di flat berkenaan bagi mendapatkan maklum balas bersama-sama dengan pihak perumahan.

“Ini adalah salah satu langkah yang difikirkan proaktif. Notis pemberitahuan turut akan dilekatkan di semua lapan blok flat,” jelasnya pada sidang media di Komtar baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Dalam pada itu, Jagdeep berharap penduduk akan memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang proses bancian dilakukan.

“Kita perlukan pengesahan daripada mereka (penduduk).

“Selepas itu, JKR sendiri akan menentukan kaedah terbaik yang bakal digunakan bagi menyelesaikan masalah berbangkit kerana mereka (JKR) lebih mempunyai kepakaran dalam hal ini,” ujarnya.



JAGDEEP Singh Deo (tengah) menunjukkan notis yang bakal dilekatkan di lapan blok Projek Perumahan Awam Kos Rendah Padang Tembak sambil ditemani Zairil Khir Johari (kiri) dan Cheah Kah Peng pada sidang media di sini baru-baru ini.



ANTARA motorsikal klasik yang dipamerkan pada Festival Motorsikal Klasik Antarabangsa ke-15 di sini baru-baru ini.

## Cadang pameran motorsikal klasik dalam kalendar negeri

**KLASIK...** Festival Motorsikal Klasik Antarabangsa ke-15 anjuran Kelab Motorsikal Klasik Utara (KMKU) yang julung kali dianjurkan di sini berjaya menarik 500 penyertaan termasuk mempamerkan sebuah motorsikal tertua dihasilkan pada tahun 1632.

Majlis yang dirasmikan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy tersebut turut memperlihatkan penyertaan para peserta dari luar negara seperti Singapura, Thailand dan Australia.

Presiden KMKU yang hanya mahu dikenali sebagai Vira berharap program berkenaan dapat dimasukkan di dalam kalender acara tahunan negeri Pulau Pinang.

“Ramai peminat motosikal klasik sanggup datang dari jauh semata-mata ingin melihat dengan lebih dekat keunikan motor-motor ini.

“Justeru, saya berharap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan cadangan untuk menjadikan ia sebagai salah satu acara tahunan negeri,” katanya di sini baru-baru ini.

# Forum kesihatan cetus kesedaran umum

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Bagi memberi kesedaran kepada masyarakat umum mengenai penyakit berisiko dan kepentingan penyusuan ibu, beberapa badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan *United World College* (UWC) telah mengambil inisiatif menganjurkan sebuah seminar bertajuk, *Lead Your Health With The Best Start*.

Seminar anjuran bersama Kolej Disted Kampus Yeap Chor Ee (Disted) turut disertai badan-badan NGO seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN), *Penang International Dental College, National Cancer Society, National Kidney Foundation Malaysia, Community Service AIDS of Penang, Whyte House*, Universiti Sains Malaysia (USM) dan lain-lain.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng menyatakan sokongan penuh Kerajaan Negeri berhubung penganjuran program-program bermanfaat berkenaan.

"Kerajaan Negeri sememangnya menggalakkan rakyat negeri ini menjaga kesihatan bertepatan dengan hasrat menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

"Sejajar itu, Kerajaan Negeri turut mengambil inisiatif menyediakan Bilik Laktasi di Tingkat 47, Komtar, bangunan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Bandar PERDA bagi kemudahan ibu-ibu yang menyusukan anak," ucapnya pada Majlis Perasmian Forum *Lead Your Health With The Best Start* di sini baru-baru ini.




**PELAJAR-pelajar Kolej Kejururawatan Pulau Pinang mendapatkan risalah-risalah kesihatan bersempena penganjuran Forum *Lead Your Health With The Best Start* di sini baru-baru ini.**

Pemeriksaan kesihatan asas seperti kesihatan mata, oral dan tekanan darah turut dijalankan secara percuma selain ceramah oleh doktor pakar mengenai kesihatan.

Para peserta turut didedahkan dengan program penyusuan ibu, makanan bayi, kanser, AIDS, kencing manis, obesiti, pendaftaran mamogram, vaksin *Human Papiloma Virus* (HPV) dan pendermaan organ.

Turut diadakan adalah khidmat mengurut, pertandingan mewarna dan jualan jumbo bagi sumbangan dana badan-badan kebajikan memerlukan.

# Longkang baru atasi banjir

**GEORGE TOWN –** Hasil perbincangan lanjut membabitkan beberapa pihak, sebuah longkang besar bakal dibina sebagai langkah mengatasi masalah banjir dan denggi membabitkan 265 unit rumah di Kampung Pengkalan Weld baru-baru ini.

Inisiatif tersebut adalah hasil pertemuan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP); Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee; Pejabat Daerah Timur Laut; Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pengkalan Kota dan pemaju projek rumah kedai, Adat Makmur Sdn. Bhd..

Menurut Keng Ee, sebelum bermulanya projek rumah kedai di lokasi tersebut, tiada kejadian banjir dilaporkan.

"Justeru, melalui pengimplementasian projek ini, satu pelan tindakan harus dilakukan bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

"Walaupun pihak MPPP datang membersihkan longkang-longkang di sini, namun, ianya tidak memadai bagi menampung kuantiti air yang banyak terutamanya pada hujan lebat," jelas beliau.



**KEADAAN longkang yang tersumbat dengan sampah-sarap.**

Keng Ee memberitahu, pelan baru projek berkenaan akan mengalirkan air terus ke longkang monsun berhampiran.

"Pemaju akan mengemukakan pelan kepada MPPP secepat mungkin dan kelulusan bagi keseluruhan proses bakal memakan masa selama sebulan sebelum ia dilaksanakan.

"Saya sendiri akan memantau perkembangan kelulusan projek ini dengan pihak MPPP," ujarnya.



**BAHAN-bahan binaan menyebabkan saiz longkang yang kecil menjadi tersumbat di Kampung Pengkalan Weld di sini.**

# Pantau kontraktor cegah banjir kilat Sg. Pinang



LIM Siew Khim (bertopi) bersama-sama delegasi JPS meninjau keadaan salah satu sungai kecil ke arah muara Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**JELUTONG -** Pendalaman dan pelebaran muara Sungai Pinang boleh menyelesaikan banjir kilat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Pinang dan DUN Datuk Keramat di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim berkata demikian selepas menyertai lawatan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang turun meninjau kawasan berkenaan yang menghubungkan lima sungai kecil lain.

"Walaupun muara sungai ini diperdalam sekali tiap-tiap tahun, sekiranya sisa tanah yang dikeruk tidak terus dibawa keluar (dari kawasan banjir kilat), pasti akan ke muara sungai itu semula apabila hujan," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Jurutera Daerah Timur Laut JPS, Haslinda Mohamad Hamran dan Saiful Azwan Abdul Malik (Pegawai Khas bagi ADUN Sungai Pinang) turut hadir pada program turun padang itu.

Siew Khim berkata, pihaknya akan bersama-sama JPS memantau kontraktor berwajib supaya kerja-kerja pendalaman dan pelebaran sungai berkenaan mematuhi syarat yang dipersetujui bersama.

Dalam perkembangan sama, Siew Khim turut menyeru warga setempat supaya memulihara kebersihan kawasan sungai tersebut dengan tidak membuang sampah di merata-rata.

Beliau berkata, banjir kilat yang menjadi masalah malar segar di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan boleh diselesaikan jika sistem nyah banjir berjalan lancar.

## Larian Menara Komtar kembali

**MENGUJI KETAHANAN...** Bagi peminat sukan yang ingin menguji ketahanan fizikal serta mental dialu-alukan untuk menyertai Larian Menara Komtar 2013 yang bakal diadakan pada 1 September (Ahad) depan.

Acara tersebut bakal dimulakan seawal jam 6 hingga 11.30 pagi dengan jarak sejauh 1.84 kilometer (km) bermula dari Lebuh Teck Soon (hadapan Maybank Jalan Penang) melalui Jalan Penang, Jalan Lim Chwee Leong, Jalan Mc Nair dan Jalan Magazine.

Acara kemuncak adalah para peserta perlu menaiki tangga dan berlari menaiki menara Komtar setinggi 60 tingkat sebagai penamat perlumbaan.

Penganjuran tahunan kali kelima berkenaan bakal mengekalkan tujuh kategori utama penyertaan iaitu Lelaki Antarabangsa, Lelaki Terbuka, Wanita Terbuka, *Junior* dan *Girls, Boys Junior*, Veteran Lelaki dan Veteran Wanita.

Yuran penyertaan adalah di antara RM15 dan RM35 mengikut kategori penyertaan masing-masing. Tempoh pendaftaran adalah dibuka kepada orang ramai sehingga 4 Ogos ini. Pada masa sama, pendaftaran juga boleh dibuat menerusi *www.komtartowerrun.com.my* bermula pada 15 Jun ini.




AHLI Parlimen Komtar, Ng Wei Aik (dua dari kiri) bersama-sama Jawatankuasa Penganjur Larian Komtar 2013 menunjukkan banting penganjuran pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

# Sertai kejohanan lumba basikal antarabangsa PP 23 Jun!

Oleh: **WATAFA NATAF ZULKIFLI**




PHEE Boon Poh (lima dari kanan) memperagakan jersi perlumbaan bersama-sama Teh Lai Heng (dua dari kanan) sempena majlis promosi Kejohanan lumba basikal '*Where 2 Go Ultimate Challenge*' di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Kejohanan lumba basikal '*Where 2 Go Ultimate Challenge*' akan diadakan pada 23 Jun ini di Padang Kota Lama di sini ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai 'destinasi berbasikal dunia'.

Ecxo Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, pihaknya berharap penyertaan kejohanan itu boleh mencecah 3,000 orang, termasuk dari Singapura, Thailand dan Indonesia.

"Acara pelepasan dijadual pada 7.30 pagi dan dijangka tamat pada 1.00 petang.

"Pada tahun 2008, kita mula memperbanyakkan aktiviti basikal di sini.

"Pulau Pinang juga mempunyai antara laluan basikal yang terpanjang di Malaysia hampir 200 kilometer (km)," ujarnya pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng turut hadir pada sidang media itu.

Boon Poh yang juga ADUN Sungai Puyu berkata, aktiviti berbasikal giat dianjurkan sejak tahun 2008 di negeri berkenaan demi menggalakkan budaya hidup yang bersih, hijau, sihat dan selamat dalam kalangan komuniti.

Sebanyak tiga kategori dipertandingkan, iaitu Elit, Amatur (85km mengelilingi pulau) dan Lumbaan Ria sejauh 40km dari Padang Kota Lama ke Batu Maung melalui Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di sini.

Pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga bagi ketegori Elit dan Amatur masing-masing akan menerima tunai RM3,000, RM2,000 dan RM1,000.

Semua peserta turut dihargai dengan pemberian '*goody bag*', jersi, makanan dan minuman, selain hadiah bagi acara cabutan bertuah.

Info lanjut atau urusan pendaftaraan boleh dibuat melalui laman web, *penangevents.com.my* atau hubungi talian 04 – 261 1342.

# S. Shamsuddin dalam kenangan

**SEBAIK** sahaja bermulanya filem, imej pertama yang kelihatan adalah seorang "pak haji" dengan keffiyeh di kepala tetapi memakai sut lengkap beserta tali leher. Beliau memulakan ceritanya:

*"Di dalam bandar Isketambola ini, banyak mempunyai saudagar-saudagar, hartawan-hartawan, bangsawan-bangsawan, dermawan-dermawan yang makan di pinggan minum di cawan. Al kisah di dalam banyak hartawan-hartawan yang beribu jutawan terdapat seorang hartawan yang tinggi pendirian. Hartanya banyak berkoyan-koyan, di dalam Isketambola tidak ada tandingan. Rumahnya indah tinggi menawan, terletak di atas Bukit Cendawan. Siapa terpandang sangatlah hairan, mata terbeliak, tersampuk syaitan..."*



YB Zairil Khir Johari.

Sejurus selepas pilihan raya umum keDemikianlah, watak S. Shamsuddin dalam filem Tiga Abdul (1964) sebagai tukang cerita memulakan kisah. Namun, Tiga Abdul bukan hanya filem hitam putih yang diulang tayang lebih sepuluh kali dalam setahun tetapi juga merupakan cerminan pemikiran masyarakat pada zamannya.

Tiga Abdul adalah gambaran masyarakat yang sangat kosmopolitan dari segi budayanya – keffiyeh, kot, tali leher, tarbus – dan makmur dari segi ekonominya dengan kota yang penuh dengan para saudagar, hartawan, bangsawan dan dermawan. Barangkali itulah citra yang cuba dipaparkan – masyarakat Melayu yang berjaya, kosmopolitan, yakin diri dan tidak khuatir untuk bersaing.

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work



Allahyarham S. Shamsuddin.

Pastinya, filem adalah filem. Pun begitu, filem juga, sebagaimana produk-produk budaya yang lain, merupakan tumpahan idea, ilham, hasrat dan ingatan yang sarat dengan pengalaman.

Kami di Penang Institute sentiasa percaya bahawa karya-karya seni dan budaya kita harus bukan sahaja dipelihara tetapi juga diraikan. Justeru, bagi memperingati dan menghargai warisan budaya baik dari sudut intelektual mahupun sudut popular, Penang Institute telah menganjurkan Festival P Ramlee yang telah berlangsung selama sebulan pada akhir tahun lepas. Walaupun dinamakan Festival P Ramlee, namun yang diraikan adalah kesemua tokoh-tokoh seniman dari era kegemilangan filem Melayu – era Jalan Ampas.

Kini, S. Shamsuddin sudah tiada. Beliau telah meninggalkan kita pada 4 Jun 2013 yang lalu di kediamannya di Singapura. Pemergian beliau merupakan satu kehilangan besar untuk masyarakat seni dan peminat seni.

Namun, sepertimana yang pernah diujar oleh Allahyarham P Ramlee kepada rakannya Aziz Sattar, jika beliau mati, beliau akan "hidup" seribu tahun lagi melalui seninya. Begitulah juga Allahyarham S. Shamsuddin.

Al-Fatihah.



TETAMU terhormat, Dato Aziz Sattar.

**ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Institute***
**Ahli Parlimen Bukit Bendera**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 390 1867<br>(F) 04 - 390 1867 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng | (T) 04 - 502 5071<br>(F) 04 - 508 9711 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | Sedang dikemaskini |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Hoon | (T) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>lcsoon@mpsp.gov.my | sedang dikemaskini |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T)04 - 250 1521<br>04 - 2501522<br>(F)04 - 2501523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | sedang dikemaskini |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Dr. Yap Soo Huey<br>yapsoohuey@gmail.com | sedang dikemaskini |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Norlela Ariffin | (T) 04 - 522 2916<br>(F) 04 - 521 2915 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim | (T) 04 - 282 8322 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>04 - 227 1397<br>04 - 226 6482 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | Sedang dikemaskini |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | Sedang dikemaskini |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | Sedang dikemaskini |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | Sedang dikemaskini |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid | Sedang dikemaskini |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria | Sedang dikemaskini |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | Sedang dikemaskini |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | Sedang dikemaskini |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Bakal Dilantik | - |
| **BERTAM**<br>Bakal Dilantik | - |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Bakal Dilantik | - |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Bakal Dilantik | - |
| **SUNGAI DUA**<br>Bakal Dilantik | - |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Bakal Dilantik | - |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Bakal Dilantik | - |
| **BAYAN LEPAS**<br>Bakal Dilantik | - |
| **PULAU BETONG**<br>Bakal Dilantik | - |
| **TELUK BAHANG**<br>Bakal Dilantik | - |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| INFORMASI PENERANGAN | 04-643 0373 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-397 1058 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| PUSAT INFO PELANCONG | 04-261 4461 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERUNDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| JABATAN BURUH | 04-262 5536 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : sedang dikemasikini | |
| N2 | Bertam | : sedang dikemasikini | |
| N3 | Pinang Tunggal | : sedang dikemasikini | |
| N4 | Permatang Berangan | : sedang dikemasikini | |
| N5 | Sungai Dua | : sedang dikemasikini | |
| N6 | Telok Air Tawar | : sedang dikemasikini | |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 522 2916 | - Rodzi |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 016 - 466 0664<br>012 - 319 1985 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 390 1867 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : sedang dikemasikini | |
| N22 | Tanjong [illegible] Bungah | [illegible] | [illegible] |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 012 - 486 2552 | - Lingam |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227 | - Benji Ang |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>010 - 464 6308 | - Varinder Kaur<br>- Fuzaina |
| N30 | Sungai Pinang | : 010 - 464 3308 | - Amelia Tan |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736 | - Anne |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>019 - 444 1039 | - Toon Hoon Lee<br>- Sabapathee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 013 - 510 1968<br>012 - 504 4836 | - Latifah<br>- Ziezullhakim |
| N38 | Bayan Lepas | : sedang dikemasikini | |
| N39 | Pulau Betong | : sedang dikemasikini | |
| N40 | Telok [illegible] | : sedang dikemasikini | |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)

| Nama | Telefon |
|---|---|
| Teoh Seang Hooi (DAP) shteow@mpsp.gov.my | 019-412 99 96<br>04-594 1231 |
| Visvanathan a/l Kumaran (DAP) visvanathan@mpsp.gov.my | 012-477 6468<br>04-398 3242 (Tel)<br>04-502 1667 (Fax) |
| Tan Xin Ying (DAP) | 016 - 553 1987 |
| Mohd Shaipol Ismail (DAP) | 012 - 571 2250 |
| Guanalan a/l Sengalaney (DAP) | 013 - 485 3128 |
| Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012-5619870 |
| Mohamad Zainudin Othman (PKR) mohamadzainudin@mpsp.gov.my | 013-45 47 009 |
| Ahmad Farid Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my | 019-540 9396<br>04-3979796 (Fax) |
| Johari Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my | 019-449 1450 |
| Abdul Latif Abdullah (PKR) abdul_latif@mpsp.gov.my | 019-560 57 55 |
| Lim Eng Nam (PKR) peterlim@mpsp.gov.my | 016-411 44 00<br>04-588 0818 (Tel)<br>04-588 0885 (Fax) |
| Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my | 019-54 63 257 |
| Amir Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my | 013-584 8386<br>04 - 521 1987 (Fax) |
| Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019- 408 4899 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my | 013-430 2096<br>04-508 0039 (Tel)<br>04-657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |
| Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my | 012-4221133 |
| Ong Koon Liak (DAP) klong@mpsp.gov.my | 012-4277868<br>04-530 0363 (Tel)<br>04-538 6950 (Fax) |
| Sarina Hashim (PKR) sarina@mpsp.gov.my | 013-50 00 155 |
| Md Jamil Abd. Rahman PAS) mdjamil@mpsp.gov.my | 019-4490007 |
| Wong Chee Keet | 012-451 1312 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)

| Nama | Telefon |
|---|---|
| Zulkifli Mohd. Noor (DAP) | 012 - 483 0878 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 42822 50 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Lim Cheng Hoe (DAP) | 016 - 438 4809 |
| Tan Hun Wooi (DAP) | 012 - 488 0409 |
| Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Ooi Keat Hin (PKR) | 016 - 417 1331 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR) | 016 - 422 2142 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor (PAS) | 04 - 657 7464 (Tel)<br>012 - 472 8114 |
| Iszuree Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205<br>019 - 450 7890 |
| Sr. Mohd. Zahry Shaikh Abdul Rahim (NGO) | 012 - 472 6725 |
| Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Prem Anand a/l Loganathan (DAP) | 012 - 412 2558 |
| Tan Seng Keat (PKR) | 012 - 438 6191 |
| Muhammad Sabri Md. Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Mohd Taufik Sulong (PKR) | 012 - 438 0873 |
| Tahir Jalaluddin Hussain (NGO) | 012 - 463 5959 |
| Dr. Lim Mah Hui (NGO) | 012 - 422 1880 |
| Sin Kok Siang (NGO) | 016 - 422 2255 |
| Ng Chek Siang (PKR) perisaihebat@gmail.com | 016 - 470 7089 |

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
MOHD. HAFIZ TAJUDIN

**Jurugrafik:**
LOO MEI FERN
IDZHAM AHMAD

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 019 357 9726

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Jun - Julai 2013

1hb Jun - 15hb Julai
***Penang Durian Festival***
Anjung Indah, Balik Pulau





16hb Jun
***French Jazz Night***
Golden Sands Resort
Masa: 7.30pm RM 118 nett (dewasa)

14hb - 16hb Jun
***Mr. Malaysia 2013***
Rainbow Paradise Beach Resort




## Iklaneka




**Buletin Mutiara boleh diperoleh di :**

- Pejabat-pejabat ADUN
- Pejabat-pejabat Kerajaan Negeri
- Pejabat-pejabat PBA
- Bukit Bendera
- Pasaraya-pasaraya sekitar Pulau Pinang
- Hospital-hospital Kerajaan dan Swasta
- Pejabat-pejabat NGO
- Edaran rumah ke rumah

| Jenis Iklan | Saiz | Kos (sebulan,RM) |
|---|---|---|
| Satu Muka Surat | 25sm(w) x 32sm(h) | 15,000 (*) |
| Separuh Muka Surat (melintang) | 25sm(w) x 16m(h) | 7,500 (*) |
| Separuh Muka Surat (menegak) | 12.5sm(w) x 32m(h) | 7,500 (*) |

**Bagi Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :**
**Shawal Ahmad:**
**04 - 650 5550, 04 - 650 5256, 012 - 424 9004**
**shawal@penang.gov.my atau shawal9004@gmail.com**




ARCA unik, *Theater of Ships* disempurnakan Joko Dwi Avianto yang didirikan bersebelahan Bangunan Perbandaran MPPP bersempena sambutan *Festival George Town 2013.*




BARISAN penganjur dan peserta merakam gambar kenangan bersempena penganjuran seminar Local NGO *Establishes Powerful International Connection.*



SETIAUSAHA Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud (tengah) memerhatikan pembuatan kompos pada Program Pemulihan Sungai Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia.



KETUA Menteri bersama barisan jemputan khas menunjukkan tanda bagus bersempena program *The Occasion of The Inaugural Flight From Medan - Penang.*









**SAMBUTAN penuh tradisi masyarakat berketurunan Hindu pada sambutan *Fire Walking* di Kuil Kahlee Ama.**



**MANTAN Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi (barisan depan, tiga dari kiri) dan Exco baru (portfolio sama), Chong Eng (barisan depan, tiga dari kanan) diraikan dalam Majlis Suai Kenal dan Penghargaan anjuran Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.**



**TUMBUHAN unik yang memperoleh perhatian sekumpulan pelajar pada penganjuran Pesta Bunga Pulau Pinang 2013.**



**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan Malaysia Shalom Series - *Penang International Freestyle Skating Championship 2013.***



**AKSI Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy ketika menaiki salah sebuah motorsikal klasik pada penganjuran *Malaysia International 15th Classic Bike Festival.***

buletin Mutiara

GEORGE TOWN FESTIVAL
Penang, Malaysia 2013

# VSP

## VICTORIA STREET PROJECT

29 JUNE • 5PM - MIDNIGHT

STREET PARTY I INSTALLATION ART I EXHIBITIONS I MUSIC I FOOD I DANCE I CRAFTS
PHOTO BOOTH I MOVIES I STREET GAMES I MERCHANDISE I HERITAGE I PHONE BOOTH



hmm




TROPFEST
THE WORLD'S LARGEST SHORT FILM FESTIVAL





THE HIPSTER
PHOTOBOOTH





101 LOST KITTENS

In the tradition of celebrating the streets of George Town, as we did last year, GTF 2013 presents the Victoria Street Project (VSP), a seven-hour programme sited around Victoria Street in George Town. All events begin at 5pm on Victoria Street and will spread out towards Armenian Street and Cannon Street.

MUNICIPAL COUNCIL OF PENANG ISLAND
GEORGE TOWN WORLD HERITAGE INC.
Penang GLOBAL TOURISM
The Jumping Jellybeans
new world park penang

georgetownfestival.com
info@georgetownfestival.com +604 261 6308

# Festival Durian kembali!

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI & NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Festival Durian Pulau Pinang kembali!

Bagi penggemar ‘Raja Buah’, pastinya tidak melepaskan peluang untuk menikmati keenakannya.

Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang berkata, Festival Durian Pulau Pinang 2013 kini telah memasuki tahun keempat penganjurannya.

“Kita (Kerajaan Negeri) menganjurkan festival sehingga hari ini bagi mempromosikan durian Balik Pulau yang terbaik kepada pelancong tempatan mahupun luar negara.

“Semua ini adalah hasil inisiatif Kerajaan Negeri untuk membangunkan durian Balik Pulau sebagai salah satu produk pelancongan.

“Malah, objektif utama selain mempromosikan durian Balik Pulau adalah untuk mempromosikan pekan Balik Pulau sebagai salah satu produk dan destinasi pelancongan antarabangsa,” katanya pada Majlis Perasmian Pesta Durian 2013 Pulau Pinang yang berlangsung dengan meriahnya di Anjung Indah, Balik Pulau baru-baru ini di sini.

Hadir sama, isteri kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Betty Chew, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang lain.



LAW Heng Kiang (empat dari kiri) bersama Betty Chew (empat dari kanan) dan Abdul Halim Hussain (tiga dari kiri) merasai keenakan durian Balik Pulau pada Majlis Perasmian Pesta Durian Pulau Pinang 2013 di Anjung Indah, Balik Pulau baru-baru ini di sini.

Tambahnya, festival kali ini turut memberi peluang kepada orang ramai untuk mencuba makanan berasaskan durian yang unik dan eksotik.

“Datanglah bersama keluarga untuk menikmati pelbagai jenis buah-buahan tempatan yang merupakan khazanah Balik Pulau yang tidak ternilai,” ujarnya.

Beliau memberitahu, terdapat banyak kumpulan-kumpulan pelancong asing dari Singapura dan Hong Kong melawati Pulau Pinang semata-mata ingin menikmati durian Pulau Pinang.

“Terbaru, kita menerima maklum balas sekumpulan (20 orang) dari Amerika Syarikat akan melawati Anjung Indah sebagai salah satu destinasi *‘Durian World Tour’* pada Julai nanti,” jelas Heng Kiang.

Festival Durian Pulau Pinang 2013 diadakan bermula 1 Jun lalu sehingga 31 Julai ini di dua lokasi iaitu Anjung Indah dan di Pasar Baru Balik Pulau.

Pengunjung boleh datang seawal jam 11 pagi sehingga 7 malam untuk menikmati pelbagai jenis durian antaranya *‘Ang Hae’*, D2, 24, *‘Ka pi li’*, *‘Ho Lor’*, *‘Gan Ja’* dan *‘Cheh Phoay Kia’*.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi hotline di talian 016 - 411 0000.


## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 954
Peminjam : SALINA BINTI ISAHAK - 670102075162 D/A ENCIK KAMAL ARIFIN BIN IBRAHIM, BANK RAKYAT, NO. 1 & 2 JALAN DAENG SELILI, 33000 KUALA KANGSA,
Penjamin 1 : ZUBIR BIN MUSA - 520925085691 59 KUARTERS MAHKAMAH TINGGI, LEBUH LIGHTS 10200 GEORGETOWN
Penjamin 2 : LEOW GEIK LAI - 471102075208 40 LORONG SELAMAT 10400 PULAU PINANG

No Akaun : 957
Peminjam : NIK MOHD SAIFUDDIN BIN YACOB - 681022075959 2 LORONG SERI GENTING 9, TAMAN PONDOK UPEH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : NIK MUSTAFFA KAMAL B. YA ACOB - 600903075695 6-9-3 ACRESVILLE, LEBUH SUNGAI ARA SATU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RASHIDAH BINTI RABAIE - 610828075546 6-9-3 ACRESVILLE, LEBUH SUNGAI ARA SATU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 985
Peminjam : KOAY CHONG WAH - 670704075055 39-14-28 LINTANG DELIMA 14, KRYSTAL HEIGHTS, 11700 GELUGOR
Penjamin 1 : TAN@NG BAN BEE - 0953867 352,16-6 MACALLUM STREET GHAUT, 10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KOAY CHONG WIN - A0095782 352-16-6,MACALLUM STREET GHAUT, 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 989
Peminjam : LOK KONG SING@LOK KONG CHONG - 660308075193 29-15-A LENGKOK NIPAH 2, TAMAN JUBILEE, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KHOO BU KE - 5036103 4076 JALAN DATUK HJ.AHMAD BADAWI 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : MD SAAD BIN MUSA - 5561892 NO. 50 JALAN ORKID, TAMAN ORKID 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 999
Peminjam : TEOH CHOO AUN - 650903075957 322 JALAN PONDOK LABU, KULIM, 09000 KEDAH
Penjamin 1 : TEOH EOW MING - 2921634 27-F LORONG TANJUNG , TAMAN BUNGA RAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : ANG YEOW EAM - 6130870 263 BUKIT KECHIL 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 1024
Peminjam : TEJWINDER SINGH A/L JUJAR SINGH - 660922106295 3 JALAN DAMAI KASIH 11, ALAM DAMAI, CHERAS 56000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : JAGDEV SINGH A/L JUJAR SINGH - 620528015065 10-3-2 ROBSON CONDOMINIUM, PERSIARAN SYED PUTRA 2 , 50460 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : PRABHAKARAN - 5111540 11 JALAN MOLEK, BAGAN AJAM, 13000 BUTTERWORTH

No Akaun : 1028
Peminjam : SURESH KUMAR A/L GEORGE RAJAMANI - 660219075773 82 A 2-1 VILLA SAUJANA, TANJONG TOKONG 10470 GEORGTOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : LATSMANAN A/L PONNUSAMY - 3638774 145 TINGKAT KURAU 4, CHAI LENG PARK 13600 PERAI
Penjamin 2 : R N DORAIRAJ A/L R NAMASIVAYAM - 5323808 58 JALAN KATUNG 28/11, SEKSYEN 28, TAMAN ALAM MEGAH 40400 SHAH ALAM, SELANGOR

No Akaun : 1055
Peminjam : CHEK AMAH BINTI AZIZ - 541224075530 22-10-06 DESA VIEW TOWER, TAMAN MELAWATI 53100 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : ABDUL HADI BIN HJ IDRIS - 600313075759 12 LORONG SERI ACHEH 9, TAMAN SERI ACHEH, 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : SHAMSIAH BT HJ ZAKARIA - 420512075016 1589 JALAN VEERAPPAN 14300 NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 1087
Peminjam : SITI ROSNI BINTI ABD RAZAK - 660219075044 BLOCK 24-1-2 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BUKIT GEDONG, BAYAN BARU, 11950 BAYAN LEPAS
Penjamin 1 : KHADIJAH BINTI ABD KARIM - 5733883 NO. 74 D JALAN PERAK 10400 PULAU PINANG,
Penjamin 2 : IDRIS BIN ABDUL RAHIM - 591015025073 NO. 75 BATU 3 TANDOP 05400 ALOR SETAR, KEDAH

No Akaun : 1094
Peminjam : ANITA DEVI A/P THOMAS SELVARAJ - 670821075548 NO. 22 JALAN ATHINAHAPAN 7, TAMAN TUN DR ISMAIL 60000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : SHARMANI PATRICIA A/P THOMAS GABRIEL - 610531025724 NO. 722 PERSIARAN SENYUM, BINTANG COUNTRY HEIGHTS 47300 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 2 : EDMUND TERENCE A/L ERIC BONIFACE GOMEZ - 610903085761 NO. 1 LORONG 5/13G, 46000 PETALING JAYA, SELANGOR

No Akaun : 1103
Peminjam : MOHD AZMAN BIN ABDULLAH - 690120075383 NO. 15 JALAN PI 6/13, TAMAN PULAU INDAH 81110 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 1 : SAAD BIN AHMAD - 570427075701 TS 3197 NYIOR SEBATANG 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : NORMAN BT HJ ISMAIL - 530409075074 2 LORONG TEMENGGONG 1, TAMAN KOSKAM , 13200 KEPALA BATAS

No Akaun : 1105
Peminjam : GOH SEAK GUAN - 640827075605 2-6-5 TAMAN LINTANG 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN WEE KEE - 7441874 NO. 60 JALAN 9/155B, TAMAN ESPLANAD, BUKIT JALIL 57000 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : CHAN TAR SENG - 7074996 7 LORONG SS 23/10B, TAMAN SEA, PETALING JAYA 47400 SELANGOR

No Akaun : 1118
Peminjam : TAN THONG OOI - 671030085365 NO 15 JLN SL 12/1A, TAMAN MAKMUR 2, BANDAR SUNGAI LONG 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : LIM KHOON LYE - 580322025619 93 SOLOK KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH 13600 PRAI
Penjamin 2 : FOONG YOOK KOOI - 461208075215 NO. 10 LORONG PERKASA 11, TAMAN PERKASA 13000 BUTTERWORTH

No Akaun : 1126
Peminjam : ONG LEAN HO – 671130075201 695-3-3 DESA KIARA CONDO, JALAN DAMANSARA 60000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : ANG BENG LIM -360926075057 NO. 4216 JALAN ONG YI HOW, 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : LOW EE SENG – 550820025403 4 MEDAN KURAU 2, CHAI LENG PARK 13700 BUTTERWORTH

# Jejak Warisan Siam erat hubungan Negeri & Thailand

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BAYAN LEPAS –** Timbalan Perdana Menteri Thailand, Kittirat Na-Ranong baru-baru ini mengadakan lawatan rasmi ke negeri ini bagi merasmikan Jejak Warisan Siam yang terletak di Tanah Ranong berhampiran Dewan Sri Pinang, Jalan Padang Kota Lama di sini.

Kunjungan Kittirat yang juga Menteri Kewangan Thailand disambut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Lapangan Terbangan Antarabangsa Bayan Lepas di sini.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang; dan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Pada majlis perasmian tersebut, Konsulat Jeneral Thailand di Pulau Pinang, Srirat Vathesatogkit ketika berucap menyatakan bahawa program berkenaan adalah penuh bermakna kerana meraikan satu warisan yang dikongsi bersama antara Pulau Pinang dan Thailand.

"Majlis ini juga adalah bagi memperingati 100 tahun keturunan keluarga Pulau Pinang - Thailand yang terkenal, Khaw Sim Bee Na-Ranong.

"Malah, melalui pertalian yang wujud, Pulau Pinang menjadi destinasi popular dalam kalangan rakyat Thailand samada bagi tujuan pendidikan, perniagaan mahupun pelancongan," katanya di sini baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis perasmian terbabit, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

Tanah Ranong sebelum ini disumbangkan keluarga Khaw yang berasal dari Thailand pada lewat kurun ke-19 kepada Pulau Pinang untuk dijadikan sebuah kawasan rekreasi.

Antara tarikan Jejak Warisan Siam di negeri ini adalah Wat Chaiyamangkalaram di Pulau Tikus dan Kuil Wat Buppharam di Jalan Perak yang terletak selari dengan keunikan rumah bandar dibina Cheah Leong Keah pada tahun 1928 di Lorong Bangkok di sini.



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Kittirat Na-Ranong (dua dari kiri) sambil ditemani Mohd. Rashid Hasnon (kanan sekali) di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

# Kilang VAT Batu Kawan penuhi pasaran Asia



Dr. P. Ramasamy (kanan sekali) diberi taklimat ringkas pada Majlis Perasmian Kilang VAT di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BATU KAWAN –** VAT Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd. (VAT), sebuah syarikat pengeluar injap dan komponen vakum terkemuka dunia yang berpengkalan di Switzerland, baru-baru ini telah memulakan pengeluaran di kilang baru berlokasi di Taman Perindustrian Batu Kawan di sini.

Pengarah Urusan VAT, Bernd Kirchhofer berkata, pemilihan Pulau Pinang untuk menubuhkan kilang pembuat injap dan komponen vakum pertama di Asia adalah sebahagian visi untuk memenuhi permintaan pasaran Asia yang kian berkembang.

"Pulau Pinang mempunyai kemudahan yang bersesuaian, bersepadu dan memenuhi kehendak VAT.

"Selain mempunyai tenaga kerja mahir, Pulau Pinang turut menawarkan bakat-bakat baru yang mempunyai kepakaran dalam pengendalian asas operasi kawalan berangka berkomputer (*Computerized Numerical Control – CNC)*", katanya pada Majlis Perasmian Kilang VAT di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan Timbalan Ketua Menteri II, Profesor Dr. P. Ramasamy.

Dr. Ramasamy yang juga merupakan Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan dan Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi turut dibawa melawat ke kawasan sekitar kilang tersebut.

VAT Manufacturing telah melabur lebih RM100 juta untuk membina kemudahannya di Pulau Pinang.

Kilang yang mempunyai keupayaan menghasilkan 10,000 injap dan komponen tersebut turut membuka 100 peluang pekerjaan.

Kirchhofer memberitahu, injap dan komponen dikeluarkan VAT turut digunapakai untuk pengeluaran berasaskan semikonduktor, di mana kilang-kilang semikonduktor amat pesat membangun di Pulau Pinang.

"Tahun hadapan (2014), kita mensasarkan pengeluran kepada 4,000 unit injap dengan perolehan sebanyak AS$30 juta (RM91.08 juta) berbanding pengeluaran awal bagi tahun ini hanya 1,000 unit injap.

"Sejumlah 45 peratus daripada pengeluaran keseluruhan VAT adalah untuk pasaran di Asia terutamanya di Singapura, Korea Selatan, China dan Jepun," jelas beliau.

Di samping itu, beliau turut menyatakan bahawa VAT (di Pulau Pinang) boleh menyediakan pemasangan papan litar bercetak *(printed circuit board assembly* -PCBA) dan perkhidmatan proses penganodan (*anodising process*) untuk bahagian injap logam vakum pada harga lebih kompetitif berbanding negara-negara seperti Taiwan, Korea Selatan dan Singapura, di mana kos pembuatan dan perkhidmatannya terlalu tinggi.

Dalam pada itu, Dr. Ramasamy berkata, Pulau Pinang bukan sahaja mempunyai kemudahan, malah turut menawarkan bakat-bakat tenaga kerja mahir baru dalam visinya menjadi sebuah negeri berteknologi tinggi dalam bidang sains dan teknologi.




SEORANG chef mengeluarkan ikan dari bongkah ais yang dipecahkan Ketua Menteri sebagai simbolik Majlis Perasmian iFOODex Ke-16 di sini baru-baru ini.

# iFOODex ideal status syurga makanan negeri

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN BARU –** Penganjuran Expo Makanan Antarabangsa Pulau Pinang (iFOODex) ke-16 baru-baru ini menjadi medan memperkenalkan produk-produk makanan baru dipasarkan lebih 50 pengeluar tempatan mahupun antarabangsa.

Program yang berlangsung selama tiga hari di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) terbabit turut menarik kehadiran seramai 60,000 pengunjung.

Istimewanya, penganjuran kali ini adalah untuk mendapatkan dana bagi membeli kenderaan bagi kemudahan orang kurang upaya (OKU) serta warga emas membabitkan pertubuhan kebajikan, *Penang Animal Sanctuary* dan Pertubuhan Kebajikan Insan Penyayang Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, penganjuran tersebut adalah bertepatan dan ideal dengan status syurga makanan negeri.

"Sebagaimana semua tahu, asam laksa Pulau Pinang tersenarai dalam 10 makanan paling sedap di dunia.

"Tidak dilupakan juga char *koay teow* dan *'street food'* lain yang sememangnya menjadi simbol keenakan masakan di negeri ini,'' ujarnya dalam ucaptama Majlis Perasmian iFOODex Ke-16 di sini baru-baru ini.

Bersempena itu, turut dipamerkan adalah demonstrasi membuat *'tau sar pneah'* (biskut tambun) oleh seorang chef profesional.

# PROJEK PEJABAT HIJAU PULAU PINANG

## Tahniah

**kepada pejabat-pejabat yang telah disahkan sebagai Pejabat Hijau Pulau Pinang.**




Pensijilan Projek Pejabat Hijau Pulau Pinang menyokong dan melanjutkan visi Penang Green Council untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri Hijau. Pensijilan ini dicapai dengan menerima pakai konsep Pejabat Hijau melalui pendidikan dan pelaksanaan inisiatif hijau di dalam pejabat.

1.) sTec Technology Sdn. Bhd.
2.) OSRAM Opto Semiconductors (M) Sdn. Bhd.
3.) Spansion (Penang) Sdn. Bhd.
4.) Kalyx Management & Consulting Sdn. Bhd.
5.) DHL Supply Chain (Malaysia) Sdn. Bhd.
6.) Shan Poornam Metals Sdn. Bhd.
7.) Seberang Perai Municipal Council
8.) Alam Aliran Kualiti (M) Sdn. Bhd.
9.) Intel Products (M) Sdn. Bhd.
10.) Intel Technology Sdn. Bhd.
11.) Bubbly Rich International Sdn. Bhd.
12.) WD Media (Malaysia) Sdn.
13.) WD Media (Malaysia) Sdn.
14.) PMI Stamping & Moulding Sdn. Bhd.
15.) Cycle Trend Industries Sdn. Bhd.
16.) DELTA BUSINESS SOLUTIONS SDN. BHD.
17.) Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
18.) Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang
19.) Cradotex (M) Sdn. Bhd.
20.) Perfect Press Sdn. Bhd.
21.) Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd.
22.) Georgetown City Hotel, Penang

Sebarang keterangan lanjut untuk menjadi Pejabat Hijau Pulau Pinang ,sila layari laman web www.pgc.com.my

# Hargai anak-anak kita, nasihat Chong Eng

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**JELUTONG -** Lebih 100 kanak-kanak, guru-guru dan ibu bapa menyertai Karnival Keluarga Montessori Children House (MCH) dekat Jalan Bukit Dumbar di sini sempena Hari Mainan Sedunia baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng berkata, Pulau Pinang mula meraikan hari keriangan itu sejak tahun 2011.

"Kanak-kanak yang ada di sini pada hari ini sungguh bertuah kerana mempunyai ibu bapa yang sangat prihatin dan membuatkan mereka menikmati pelbagai keseronokan," ujarnya pada sidang media bersama-sama penganjur, Dr. Sim Joo Seng.

Penasihat Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) itu berkata, ibu bapa seharusnya lebih meluangkan masa bersama-sama keluarga, iaitu sekurang-kurangnya pada hari hujung minggu demi menghargai masa depan anak-anak mereka.

Kesempatan itu juga, Chong Eng berkata, pihaknya sedang giat merangka fomulasi mengenai kanak-kanak untuk dibentangkan serta diimplimentasi oleh Kerajaan Negeri pada tahun depan.

"Satu lagi buah tangan untuk wanita di Pulau Pinang, apabila kita akan menubuhkan Briged Wanita di samping menjalankan aktiviti berfaedah untuk golongan wanita," ujar Ahi Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang berkenaan.

Sebelum itu, Joo Seng berkata, ibu bapa seharusnya lebih cakna dengan pergaulan serta tumbesaran anak-anak mereka.

"Ibu bapa harus memastikan anak-anak mereka turut bergaul secara sihat dengan kanak-kanak lain bagi mewujudkan keseimbangan yang betul dalam kehidupan seharian mereka untuk menjamin tumbesaran yang sihat dan baik" ujar beliau sambil merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri.

Hari Mainan Sedunia disambut pada 28 Mei tiap-tiap tahun.



CHONG Eng (barisan akhir, dua dari kanan) dan Dr. Sim Joo Seng (barisan akhir, kanan sekali) bergambar kenangan bersama-sama sekumpulan kanak-kanak pada penganjuran Hari Mainan Sedunia di sini baru-baru ini.

## Larian Menara MPSP kini program tahunan



A. Hamsavaanie.



MOHD. Mosin Saidan.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM -** Larian Menara Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) 2013 baru-baru ini menerima 738 penyertaan.

Pelajar tingkatan empat dari Sekolah Menengah (SM) Machang Bubuk, A. Hamsavaanie terkejut kerana menjuarai larian ketegori muda perempuan.

"Tentu gembiralah. Ini kali pertama saya menyertai (kejohanan) dan menang tempat pertama ketegori," ujarnya yang mencatat rekod 31:35 minit kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Bagi Mohd. Mosin Saidan, pelajar tingkatan lima dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mutiara Impian pula, kejuaraan ketegori muda lelaki menjadi satu lagi koleksi kejayaan dalam hidupnya.

"Selalu juga menang kejohanan larian seperti ini. Saya dapat tangga keenam peringkat Malaysia dalam (kejohanan) MSSM (Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia) baru-baru ini," ujar beliau yang mencatat rekod 24.22 minit.

Majlis perasmian penutup program itu disempurna oleh Exco Belia & Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng.

Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang berkata, program buat julung kalinya dianjur di Seberang Perai itu akan dijadikan acara tahunan.

"Saya berharap lebih ramai lagi penyertaan, khususnya dari kalangan wanita pada tahun depan," ujar beliau di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda, di sini.

ADUN Berapit, Lydia Ong Kok Fooi, Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubuk), Maimunah Mohd. Sharif (Yang Dipertua MPSP), Frederick Tan Teik An (Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang) dan V. Govindasamy (Setiausaha bagi Persatuan Atlet Amatur Pulau Pinang) turut hadir pada majlis perasmian penutup kejohanan tersebut.

## Kejohanan luncur gaya bebas 2013 lebih meriah



ADUN Pulau Tikus, Yap Soo Huey (duduk, tengah) yang menyempurnakan yang menyempurnakan majlis penyampaian hadiah menunjukkan tanda bagus ketika merakam gambar kenangan bersama-sama barisan penganjur dan peserta pada Kejohanan Luncur Gaya Bebas Antarabangsa Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Kejohanan Luncur Gaya Bebas Antarabangsa Pulau Pinang 2013 baru-baru ini lebih meriah dengan penyertaan atlet dari Singapura, Thailand, Indonesia dan Jepun.

Atlet tempatan dari Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Selangor, Perak dan Melaka turut menyertai kejohanan antarabangsa itu bagi merebut kejuaraan dalam 13 kategori yang dipertandingkan.

Exco Belia & Sukan, Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng berkata, kejohanan tersebut diharap dapat menyemarak lagi gaya hidup sihat dan harmoni dalam masyarakat berbilang kaum di negeri itu.

"Penganjuran acara sukan seperti ini turut dilihat sangat positif dalam merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri yang menggalakkan rakyatnya mengekalkan cara hidup sihat di samping menunjukkan keharmonian masyarakat melalui sukan," ujarnya dalam majlis perasmian kejohanan tersebut di sini baru-baru ini.

Sejajar itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Ma

jlis Sukan Negeri (MSN) dan badan bukan kerajaan (NGO) berwajib atas penganjuran sukan tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang itu turut merakamkan penghargaan kepada Juara Luncur Kebangsaan, Cheng Chee Siang atas inisiatif membuka bengkel belajar sukan berkenaan serentak dengan berlangsungnya acara tersebut.

Dalam perkembangan lain, Chong Eng berharap mereka yang berkunjung ke Pulau Pinang sempena kejohanan tersebut turut tidak melepaskan peluang untuk menikmati kelazatan makanan serta keindahan negeri berkenaan.

Kali pertama sukan itu dianjurkan di Pulau Pinang adalah pada tahun



KERISIK dihasilkan Zaliha Abu Bakar dan keluarga.


PROSES menggoreng kelapa yang mengambil masa kira-kira lima jam.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **IDZHAM AHMAD**

# Kerisik keluarga jana minat niaga pelbagai produk

**BERMULA** dengan niat untuk menambah pendapatan keluarga, suri rumah, Zaliha Abu Bakar, 46, 'memberanikan' diri menceburi bidang perniagaan.

Ketika itu, beliau yang dikurniakan tujuh cahaya mata melihat potensi perusahaan kerisik yang bukan hanya memiliki pasaran tersendiri, malah, permintaannya adalah amat tinggi daripada masyarakat berbilang kaum.

"Mudah je buat kerisik. Orang selalu cari terutamanya masa kenduri. Nampak ini peluang untuk buat perniagaan," katanya kepada Buletin Mutiara (BM) dalam sesi wawancara khas di kediamannya baru-baru ini.

Sejak lima tahun lalu, rutin Zaliha adalah bermula seawal 7 pagi hingga pukul 1 petang bagi menghasilkan kerisik yang pengeluarannya dijenamakan atas nama arwah ibunya, Asiah.


RUPA bentuk kerisik yang siap dibungkus.

Menjelaskan proses penghasilan kerisik, Zaliha menyatakan bahawa ia bermula pada malam sebelum itu yang mana kelapa-kelapa yang dikupas dicuci dan dibiarkan kering.

Pada keesokan paginya, ia dikisar dan diayak bagi membuang kulit-kulit hitam. Kelapa kemudian digoreng dalam tempoh kira-kira lima jam sebelum dimasukkan ke dalam mesin penghancur bagi menghaluskannya. Ketika ini, minyak kelapa akan dihasilkan. Proses terakhir adalah pembungkusan.

"Paling susah adalah untuk membungkus kerisik-kerisik yang dah siap kerana takde orang lain yang pandai bungkus untuk jadikannya kembang," jelas Zaliha sambil menunjukkan contoh bungkusan kerisik yang telah siap dipek.


KELAPA yang sedang digoreng.

Kini, setiap hari, Zaliha dengan bantuan anak-anak dan ahli keluarga lain mampu menghasilkan kira-kira 200 bungkus kerisik siap. Jumlah kelapa basah yang digunakan adalah sebanyak 35 kilogram (kg).


ZALIHA Abu Bakar.

Beliau yang menetap di Kampung Pertama, Permatang Pauh memberitahu, setiap bungkus kerisik yang dijual pada harga RM1 adalah seberat 70 gram.

Menceritakan pengalaman pembuatan kerisik, Zaliha tidak menafikan bahawa tugasnya sebagai ibu kadang-kala melekakan beliau sehingga kelapa yang digoreng menjadi hangit dan terpaksa dibuang.

"Lupa tengah masak kat dapur. Kalu (kelapa) hitam sangat, terpaksa kena buang.

"Sedih buang lagu tu je. Hilang berpuluh-puluh ringgit," ujar beliau.

Ketika ditanya mengenai keunikan kerisiknya, Zaliha menyatakan bahawa tiada bahan campuran tambahan dalam minyak kelapa kerisik beliau.

"Ia adalah 100 peratus asli. Kalau minyak dicampur, ia berbau lain dan tidak tahan lama sebagaimana yang asli yang mampu disimpan selama setahun," ujar Zaliha.

Bagi perancangan masa depan, Zaliha menyatakan bahawa beliau ingin memperluaskan perniagaannya dengan mempelbagaikan produk keluaran beliau.

Kini, selain kerisik, beliau turut menghasilkan laksa tepung gandum mengikut permintaan semasa.

Selain itu, Zaliha turut terlibat dalam perusahaan katering. Malah, beliau kini dalam proses untuk menghasilkan air soya.

Dalam pada itu, beliau kini telah mula berjinak dengan perusahaan penghasilan muruku.

''Memang best!" komen ringkas pasukan BM yang berpeluang merasai produk muruku dihasilkan Zaliha.

**INFO :**
**ASIAH FOOD ENTERPRISE**
**1391 MK 4, Kampung Pertama,**
**13500 Permatang Pauh.**
**Tel. : 04 – 398 7301 / 019 – 428 8312**

*•Sambungan wawancara Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon.*

# Mohd. Rashid harap jadi ahli pasukan kuat untuk KN



MOHD. Rashid Hasnon ketika Upacara Mengangkat Sumpah Terima Jawatan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

**ABDUL RAHMAN MENTOR SAYA**

Di sisi Mohd. Rashid, Saidina Abdul Rahman Auf cukup istimewa.

Abdul Rahman di sisi Mohd. Rashid umpama mentor dalam menggerakkan pelan keusahawanan negeri ini.

"(Dalam) 100 hari ini, saya ada koperasi dan keusahawanan masyarakat...ini berkaitan JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) dan di peringkat masjid-masjid.

"Sebenarnya prospeknya sangat baik tetapi tiada aspek material untuk menggerakkannya.

"Kalau kita mahu menggerakkan gerakan keusahawanan serta koperasi ini, prasarana ke arah itu perlu disediakan terlebih dahulu untuk meyakinkan pihak berwajib bahawa di negeri ini mempunyai prospek tersebut.

"Abdul Rahman bin Auf, dia adalah salah seorang dari 10 sahabat yang dijamin masuk Syurga. Dia, saya anggap macam mentor saya.

"Semasa Yahudi monopoli industri asasi air, Abdul Rahman tengok dan akui yang Yahudi menguasai ekonomi kerana menguasai air yang menjadi keperluan semua orang.

"Abdul Rahman akhirnya negosiasi untuk membayar sejumlah tertentu wang pajakan dan mengumpulkan wang secara koperatif di Makkah.

"Walaupun duit (pajakan) tidak cukup, Yahudi itu setuju dengan tawaran Abdul Rahman, iaitu beliau menguruskan air pada hari genap dan Yahudi itu pada hari yang ganjil.

"Apabila timbul hari ganjil, orang tidak beli. Apabila timbul hari genap, orang beli kerana air murah dan akhirnya dirakyatkan.

"Jadi, koperasi ini penting dalam menghubungkan masyarakat. Dan di sinilah peranan koperasi penting dan perlu digerakkan dengan anak muda melalui pinjaman mikro kredit Islam," ujar beliau.

**MELAYU DI PULAU PINANG**

Sebagai pemimpin Melayu nombor satu di Pulau Pinang, Mohd. Rashid mengakui bahawa keputusan PRU13 sedikit banyaknya memberi kesan pada dirinya.

"Tsunami Cina" yang digembar-gemburkan oleh pembangkang Pulau Pinang wajar didepani secara rasional, kata beliau.

"Kerajaan Negeri ditubuhkan selepas mendapat 68 peratus, ertinya kita (Pakatan Rakyat) menang dari segi elektoral (30 kerusi ADUN) dan undi popular.

"Melayu masih majoriti di Semenanjung dan kita (Pakatan Rakyat) mendapat 53 peratus undi popular. Inilah 'Tsunami Malaysia' yang menyaksikan Melayu dan bangsa-bangsa lain melakukan perubahan.

"Sungguhpun begitu, saya bersama-sama rakan-rakan akan terus mencari jalan supaya tapak sokongan Melayu terhadap Kerajaan Negeri semakin kuat bermula sekarang melalui program-program pendidikan serta ekonomi yang dekat dengan (jalur) Melayu di negeri ini," ujar beliau.

Beliau berkata, kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin yang dikenali pakar dalam bidang penyelidikan ekonomi diharap mampu membantunya memahami cabaran sebenar Melayu di negeri berkenaan.

"Rakyat sama ada Melayu atau bukan Melayu terus kekal hidup harmoni di Pulau Pinang selepas PRU13, tidak sesiapa pun diusir kerana 'Tsunami Malaysia' yang berlaku di negeri ini dan di Malaysia akan terus membela hak semua kaum.

Inilah perkara sebenar yang perlu difahami semua, inilah cabaran sebenar bagi saya (realisasikan)," tegas beliau sambil menolak dakyah perkauman yang diada-adakan pembangkang Pulau Pinang belakangan ini.

**HARAPAN**

Mohd. Rashid berharap beliau boleh menjadi ahli pasukan yang kuat untuk Kerajaan Negeri.

"Saya boleh jadi ahli pasukan yang kuat berbekal pengalaman dalam dunia industri perkilangan.

"Dengan kolaborasi Exco-Exco berwajib serta kakitangan Kerajaan Negeri yang juga mempunyai kekuatan dan pengalaman yang luas, kita boleh melakukan yang terbaik.

"Secara peribadi, saya berharap saya juga boleh menjadi seorang pemimpin yang berusaha melakukan keadilan untuk semua pihak sebagaimana yang diajar dalam agama saya (iaitu Islam).

"Tuntutan-tuntutan Islam seperti melakukan keadilan, kejujuran, intergriti, kemajuan, kesejahteraan dan keharmonian rakyat boleh terus disemarakkan di Pulau Pinang kerana Kerajaan Negeri sejak lima tahun lepas pun telah melakukan sesuatu yang selari dengan Islam, iaitu kempen Cekap, Akauntabel, Telus (CAT)," ujar beliau.



# Tubuh jawatankuasa bebas siasat isu tarah Bukit Gambir



DR. Lim Mah Hui (berdiri) ketika memberikan hujahan isu penggondolan hutan di Bukit Gambir pada Mesyuarat Penuh Majlis di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) didesak menubuhkan jawatankuasa bebas bagi menyiasat projek penarahan Bukit Gambir yang dilaporkan kian menjadi tanda tanya banyak pihak di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis MPPP, Dr. Lim Mah Hui berkata, Pulau Pinang menjadi destinasi menarik disebabkan wujudnya dua aset bernilai di negeri itu, iaitu bukit-bukau dan warisan sejarah.

Justeru, katanya, penggondolan sebahagian besar Bukit Gambir dekat Batu Uban itu sedikit banyaknya menjejas imej Pulau Pinang sebagai antara destinasi tuju sedunia.

“Adalah bernasib baik kerana warisan di Pulau Pinang telah diiktiraf di peringkat antarabangsa hari ini dan kawasan-kawasan tertentu juga telah digazetkan sebagai kawasan perlindungan.

“Manakala, bagi kawasan bukit, ia berada di bawah ancaman serius walaupun pada dasarnya seharusnya turut berada di bawah pemeliharaan dan perlindungan,” ujarnya pada Mesyuarat Penuh MPSP di sini baru-baru ini.

Difahamkan, *ECA International* selama lima tahun bermula pada tahun 2008 mengiktiraf George Town sebagai ‘Bandar Ke-8 Paling Sesuai Didiami Di Asia’.

Badan antarabangsa itu turut mengiktiraf George Town sebagai bandar paling sesuai didiami di Malaysia, melepasi status Kuala Lumpur.

Laporan *Yahoo Travel* dipetik dalam tempoh yang sama turut mengiktiraf George Town sebagai ‘Pulau Ke-8 Terbaik Dalam Dunia Yang Perlu Dilawati Sebelum Anda Mati’.

Ekoran itu, beliau berkata, polisi pembangunan mampan yang menjadi salah satu objektif dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2007 lagi wajar disegarkan semula.

Polisi itu, menurut beliau, antara lain mengklasifikasikan kawasan bukit di atas 250 kaki dari aras laut atau dengan kecerunan melebihi 25 darjah sebagai kawasan pemuliharaan melainkan wujud ‘projek khas’.

Tuntas itu, beliau berkata, rakyat berhak untuk mengetahui faktor sebenar di sebalik penggondolan Bukit Gambir yang nyata bukan berstatus ‘projek khas’.

“Pulau Pinang perlu mengekalkan bukit yang asli dan tidak membenarkan kawasan-kawasan ini didirikan kediaman mewah yang hanya dilihat dapat menguntungkan syarikat pelabur mewah dan spekulator sahaja.

“Maklumat awam perlu diberikan untuk semua projek-projek di luar saiz tertentu, proses kelulusan dan mesyuarat OSC (Jawatankuasa Pusat Setempat, MPPP) juga perlu dibuka kepada orang ramai untuk hadir dan bertanyakan soalan,” tegasnya.

Terdahulu, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, MPPP akan mengambil langkah perundangan ke atas pemilik tanah Cangkat Bukit Gambir yang didakwa memugar tanah persendirian itu tanpa kelulusan majlis.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota itu berkata, pihaknya dalam proses pengesahan pemilik tanah daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) negeri sebelum mengemukakan laporan penuh kepada Timbalan Pendakwa Raya.

Pun begitu, katanya, MPPP telahpun mengeluarkan notis pemberhentian operasi serta-merta kepada pihak yang dipercayai sebagai tuan tanah bagi mengelak kesan berantai lain seperti hakisan tanah serta tanah runtuh di kawasan kediaman berdekatan.

# Pelajar Kelantan lawat ‘pusat kitar semula’ negeri

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



MUHD. Farid Zainuddin.



NURIHIDAYAH Mohd. Hussain.

**JAWI –** Seramai 49 pelajar dan tujuh guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Indra Petra, Gua Musang, Kelantan mengadakan lawatan sambil belajar ke Pusat Pelupusan Sampah Pulau Burung di sini baru-baru ini.

Muhd. Farid Zainuddin, 17, berkata, minatnya untuk menjaga alam sekitar mula menyegar selepas menyertai Kelab Smart Rangers di sekolah.

Sebagai salah seorang ahli jawatankuasa kelab, beliau mahu mengembang minat dalam aktiviti sukarelawan tersebut.

“Di sekolah, memang ada kumpul bahan terbuang untuk kitar semula. Terkenal kerana kerja kelab.

“(Kelab) Smart Rangers ada kiosk sendiri untuk memudahkan semua bahan kitar semula ini dikumpul sebelum dijual kepada vendor,” ujar pelajar Tingkatan 5 itu ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Bagi Nurihidayah Mohd. Hussain, 17, beliau puas apabila kerja-kerja sukarelawan itu membawa pulangan yang lumayan kepada kelab.

“Kita beli sampah daripada pelajar, proses (pengasingan) dan jual. Yang buat kerja ini dalam 15 ahli jawatankuasa kelab,” ujarnya.

Menurut Bendahari kelab, kira-kira RM3 bagi tiap-tiap sekilo tin aluminium yang dijual kepada vendor.

Itu, tidak termasuk aktiviti menjual akhbar lama serta botol yang boleh membawa pulangan RM0.50 sekilogram.

Sebagai Setiausaha, Nur Nadhirah Rosli, 17, pula berkata, kelab turut menganjurkan pertandingan bagi menggalakkan budaya kitar semula dalam kalangan pelajar.

“Ada pertandingan... lima kilo(gram) ke atas layak untuk mendapat beg kitar semula secara percuma daripada kelab.

“Pertandingan, pemberian beg kitar semula dan lawatan sebegini adalah cara kita menarik (perhatian) pelajar untuk menyertai kita,” nyatanya.

Deligasi dari Kelantan itu disambut pembantu Jurutera PLB Terang Sdn. Bhd., Amir Ahmad Astor dan penyelianya, Ong Thang Khoon.

Amir berkata, pihaknya menerima kira-kira tiga tan sampah sehari, termasuk 100 hingga 200 kilogram plastik serta 200 hingga 400 kilogram besi.

## Maklum balas ‘*MPSP Watch*’, ‘*Better Penang*’ dialu-alukan!

**BUKIT MERTAJAM -** Maklum balas pintar melalui operasi *‘MPSP Watch’* diiktiraf banyak membantu Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) meningkatkan mutu pelanggan pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, pihaknya menerima 1,295 maklum balas sejak *‘MPSP Watch’* ditubuhkan pada Julai 2011 serta operasi melalui media sosial Facebook menggalakkan hingga sekarang.

“Sebanyak 96 maklum balas yang diterima pada tahun 2011 telah diselesaikan,” ujar beliau dalam Mesyuarat Penuh MPSP di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, semua 680 maklum balas yang diterima dalam tahun 2012 turut berjaya diselesaikan.

Tambahnya lagi, MPSP menerima 519 maklum balas sejak bulan Januari hingga 29 Mei lepas.

Dari jumlah itu, katanya, 491 maklum balas berjaya diselesaikan.

“Sebanyak 28 maklum balas (berbaki) masih dalam tindakan (MPSP),” ujarnya.

Dalam perkembangan sama, beliau turut mengumumkan satu lagi aplikasi mesra pelanggan yang dikenali sebagai *‘Better Penang Versi Apple IOS’*.

Maimunah memberitahu, aplikasi dilancarkan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada Mac lepas itu mempunyai peranan sama dengan *‘Watch MPSP’*.

Justeru, katanya, MPSP mengalu-alukan maklum balas daripada seluruh warga Seberang Perai melalui dua aplikasi pintar tersebut.

# MPSP, Bandar Gwangju jalin persahabatan global

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM** - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mencipta sejarahnya tersendiri apabila tersenarai dalam 109 pihak berkuasa tempatan (PBT) dari 47 negara yang menyertai *World Human Rights Cities Forum 2013* di Gwangju, Korea baru-baru ini.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, beliau diberi mandat untuk membentangkan kertas kerja berjudul MPSP's *Initiative On Human Rights City* serta menjadi panel pembahas pada pembentangan bertajuk, *Human Rights And Civil Servants* yang dihadiri kira-kira 730 perwakilan sedunia.

Tidak cukup dengan itu, Maimunah berkata, beliau turut mewakili MPSP untuk berucap pada Pembukaan Majlis Makan Malam di *Kimdaejung Convention Center,* Korea.

"Pada kesempatan itu, MPSP dan Bandar Metropolitan Gwangju telah menandatangani Memorandum Perjanjian Persahabatan pada 17 Mei lalu iaitu antara saya dan Datuk Bandar Gwangju, Yang Berbahagia Tuan Kang Un-tae.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (tengah) mempamerkan perjanjian persahabatan MPSP - Bandar Gwangju sambil diperhati Rozali Mohamud (kiri sekali)), Francis Ong Koon Liak (dua dari kiri) dan Teoh Seang Hooi (kanan sekali) pada sidang media Mesyuarat Majlis Penuh di sini baru-baru ini.**

"Ini adalah kali pertama bagi MPSP," ujarnya dalam Mesyuarat Majlis Penuh di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda, Bukit Mertajam baru-baru ini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud, Francis Ong Koon Liak (Ahli Majlis MPSP), Teoh Seang Hooi (Ahli Majlis MPSP) turut hadir pada sidang media itu.

Perjanjian itu, menurut beliau, untuk mengerat persahabatan melalui perkongsian idea dan maklumat mengenai budaya pentadbiran, seni, pendidikan dan ekonomi.

# Mohon lesen Pasar Ramadan sekarang!

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM** - Lesen penganjuran Pasar Ramadan tahun ini boleh dimohon daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bermula 31 Mei hingga 12 Jun depan.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, tiga kaunter dibuka untuk warga tempatan mendapatkan borang permohonan.

Tiga kaunter MPSP tersebut adalah bertempat di Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda (Bukit Mertajam), Kompleks Makanan Kampung Jawa (Butterworth) dan Cawangan Sungai Jawi (Seberang Perai Selatan).

Tambah beliau, borang permohonan turut boleh diperoleh melalui sesawang rasmi MPSP, *www.mpsp.gov.my*.

"Borang-borang (permohonan) akan diproses oleh Jabatan Pelesenan dan keputusan permohonan akan mula dikeluarkan pada hari Jumaat, 21 Jun ini.

"Taklimat kepada penganjur dijadual pada hari Jumaat, 28 Jun ini," ujar beliau dalam Mesyuarat Penuh MPSP di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.



**(Dari kiri), ROZALI Mohamud, Maimunah Mohd. Sharif dan Teoh Seang Hooi pada sidang media selepas mesyuarat penuh MPSP di sini baru-baru ini.**

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan Teoh Seang Hooi (Ahli Majlis MPSP) turut hadir bersama-sama Maimunah pada sidang media selepas mesyuarat penuh majlis itu.

Hubungi talian MPSP, 04 – 549 7685/847/678 untuk pertanyaan atau keterangan lanjut.

## MPSP lancar semak lesen premis perniagaan

**BUKIT MERTAJAM** - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melancarkan program pemeriksaan dan semakan lesen premis perniagaan secara berperingkat bermula sekarang hingga hujung tahun ini.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, pihaknya melalui Jabatan Pelesenan telahpun mengenal pasti beberapa lokasi utama pusat perniagaan berwajib di Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

"Program ini akan ditumpukan di lokasi-lokasi tersebut," ujar beliau dalam Mesyuarat Penuh MPSP di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, program tersebut diharap dapat membantu pemilik premis perniagaan untuk memperbaharui lesen masing-masing.

"Pegawai Jabatan Pelesenan MPSP akan membuat rondaan ke lokasi-lokasi yang dipilih dalam tempoh dua hingga tiga hari sebelum tarikh program dimaklumkan kepada pemilik premis.

"Bas Kaunter Bergerak MPSP akan dihantar ke lokasi berkenaan untuk memudahkan pemilik-pemilik premis memperbaharui lesen premis MPSP masing-masing," ujar beliau.

Terdahulu, program mesra pelanggan itu telahpun dilancarkan di Chai Leng Park, Perai pada 30 Januari lepas, diikuti, *Summit Mall,* Bukit Mertajam (16 Mac 2013), Teras Jaya, Raja Uda (21 Mac 2013) dan Tasek Mutiara, Simpang Empat (29 Mei 2013).

**Senarai lokasi program yang dicadangkan seperti berikut:**

1. Bertam, Kepala Batas (11 Jun 2013)
2. Bunga Raya, Raja Uda (25 Jun 2013)
3. Pekan Nibong Tebal (2 Julai 2013)
4. Taman Gemilang, Bukit Mertajam (27 Ogos 2013)
5. Jalan Maju, Bukit Mertajam (10 September 2013)
6. Megamall Pinang, Perai (8 Oktober 2013)
7. Pekan Sungai Dua, Butterworth (12 November 2013)
8. Pekan Bukit Mertajam (10 Disember 2013)

# ADUN tinjau kawasan banjir kilat

**SEBERANG JAYA –** Kejadian hujan lebat selama sejam baru-baru ini menyebabkan Taman Siakap di sini dinaiki air dan menyebabkan banjir kilat.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin, tiada laporan kemalangan jiwa dilaporkan berhubung kejadian yang berlaku.

"Tinjauan lanjut mendapati laluan air terutama longkang dan parit di kawasan sekitar tersumbat.

"Sampah sarap yang menghalang laluan air serta hujan yang berterusan menyebabkan kawasan ini dinaiki air," katanya ketika mengadakan lawatan turun padang di sini baru-baru ini.

Turut serta, wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Dr. Afif memberitahu, sebagai ADUN, beliau akan mencari alternatif dan penyelesaian terbaik bagi mengelakkan kejadian tersebut berulang.



DR. Afif Bahardin (kanan sekali) mencatat butir-butir kejadian banjir kilat di Taman Siakap yang diperoleh daripada salah seorang mangsa di sini baru-baru ini.

# Jaga amanah demi keharmonian semua



MOHD. Rashid Hasnon (barisan kedua, berkot) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian ahli jawatankuasa qaryah dan jemaah Surau Flat Seri Delima di sini baru-baru ini.

**JAGA AMANAH...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Mohd. Rashid Hasnon baru-baru ini menyampaikan tazkirah di Surau Flat Seri Delima, Sungai Ara, di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri I berkata, sebagai seorang pemimpin, perkongsian ilmu cukup memberi manfaat bukan sahaja kepada jemaah yang hadir tetapi juga masyarakat sekeliling.

Dalam tazkirah pendek bertemakan 'Amanah' yang disampaikan setelah selesainya solat Maghrib, Mohd. Rashid turut menyeru semua umat Islam untuk sama-sama menjaga amanah yang dipertanggungjawabkan serta jangan mudah leka dalam arus duniawi dewasa ini.

"Apabila amanah dijaga, maka kita dapat mewujudkan sebuah komuniti harmoni tanpa mengira latar belakang dan perbezaan," ucapnya ringkas.

# ADUN turut serta berfutsal



DR. Afif Bahardin (duduk, dua dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama anak-anak muda di Arena Sukan Futsal Sunway Perdana di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA –** Dalam kesibukan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin sempat meluangkan masa bermain futsal bersama-sama anak muda Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Dr. Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan berhasrat menggalakkan anak-anak muda di sini menjalani gaya hidup sihat.

"Melalui sukan dan aktiviti riadah, kita boleh faham realiti dan pikat kehendak anak muda.

"Penyertaan kali ini dalam aktiviti futsal menjadi meriah dan hebat apabila turut mendapat sambutan pemain senior dalam arena futsal," ujarnya yang turut serta bermain futsal di Arena Sukan Futsal Sunway Perdana di sini.

Arena sukan di sini acapkali menjadi tumpuan belia untuk beriadah dan bertemu teman-teman yang turut menggilai sukan futsal.

Malah, beliau menyatakan bahawa aktiviti sukan sebegitu hakikatnya dapat merapatkan ukhuwah dan mampu menyihatkan serta menyegarkan badan selepas seharian penat bekerja.

# Kem Falak dan Astronomi diperluas

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BATU MAUNG –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim menganjurkan Kem Falak dan Astronomi untuk pelajar-pelajar sekolah agama rakyat (SAR) baru-baru ini.

Kem yang disertai 40 pelajar Tahun 4 hingga Tahun 6 dari SAR Batu Maung dan SAR Permatang Damar Laut diadakan di Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Acheh di sini.

"Program hasil kerjasama dengan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang adalah yang julung kali diadakan.

"InshaAllah untuk tahun-tahun mendatang, saya bercadang untuk membuka penyertaan kepada pelajar-pelajar Tingkatan 2 hingga Tingkatan 4 pula," ujar Abdul Malik kepada Buletin Mutiara baru-baru ini di sini.

Tambahnya, pendedahan ilmu falak dan astronomi adalah perlu dalam usaha merealisasikan teras pendidikan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) N37 iaitu 'Mencerna Kecemerlangan Keilmuan'.

"Mereka ini (pelajar-pelajar yang mengikuti Kem Falak dan Astronomi) adalah generasi pewaris yang akan mewarisi apa yang kita bekalkan hari ini, inshaAllah.

"Alhamdulillah, selain program-program pendidikan sebegini, saya juga masih meneruskan program-program berkebajikan untuk DUN N37 antaranya, pemberian tuisyen percuma yang masih diteruskan sehingga ke hari ini," kata Abdul Malik yang juga merupakan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Program sehari itu turut diselitkan dengan pelbagai aktiviti antaranya, membina roket air, mencipta jam matahari, mencerap hilal Sya'aban dan pelbagai program pengenalan falak dan astronomi.



**SEBAHAGIAN pelajar-pelajar yang menyertai Kem Falak dan Astronomi di Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Acheh bergambar kenangan bersama-sama Abdul Malik Abul Kassim (barisan belakang, berkaca mata) di sini baru-baru ini.**

## Lebih 400 sertai larian amal



**AKSI Lydia Ong Kok Fooi (kiri, berbaju kuning) dan Chong Eng (kanan, berbaju kuning) dalam acara senamrobik bersempena penganjuran *Kampung Fund Walk Treasure Hunt 2013* di sini baru-baru ini.**

**BERAPIT –** Selepas kejayaan penganjuran *'Kampung Charity Fund Run 2012'* tahun lalu, program larian amal, *'Kampung Fund Walk Treasure Hunt 2013'* yang diadakan pada 9 Jun lalu turut mendapat sambutan di luar jangka, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Lydia Ong Kok Fooi di sini baru-baru ini.

Menurutnya, tujuan larian amal *'Kampung Fund Walk Treasure Hunt 2013'* adalah untuk menanam sikap cintakan gaya hidup sihat demi kesihatan dan kesejahteraan hidup.

"Masyarakat kini semakin peka akan kesihatan dan gaya hidup sihat.

"Tahniah kepada semua peserta yang menyertai larian amal ini," katanya pada majlis perasmian program di Kampung Berapit di sini.

*'Kampung Fund Walk Treasure Hunt 2013'* adalah hasil usahasama Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng bersama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), *Lions Club of Penang Metropolitan* dan *Leo Club of Penang Metropolitan*.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Program larian amal bermula dan berakhir di Pasar Awam Berapit disertai lebih 400 individu dari pelbagai latar belakang dan peringkat usia.

Selain larian amal, turut diadakan senamrobik dan kutipan amal bagi mengisi tabung pertubuhan dan persatuan badan bukan kerajaan (NGO) di Pulau Pinang.

## Pelebaran Lebuhraya Thean Teik siap 70%



**WONG Hon Wai ketika mengadakan lawatan ke tapak projek pelebaran Lebuhraya Thean Teik di sini baru-baru ini.**

**AIR ITAM –** Pelebaran Lebuhraya Thean Teik yang dijangka siap dalam tempoh kira-kira dua bulan lagi bakal memberi keselesaan kepada penunggang motorsikal yang melalui kawasan tersebut, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai di sini baru-baru ini.

Menurut Hon Wai, projek bermula Mac lalu meliputi laluan sejauh 350 meter dengan pelebaran laluan dari 18.3 meter ke 30.5 meter kini telah 70 peratus siap.

"Asalnya, lebuhraya ini mempunyai dua laluan dan setelah siap (projek pelebaran) akan menjadi tiga laluan bagi memudahkan para pengguna lebuhraya ini sehingga ke simpang lampu isyarat Lorong Batu Lanchang ke Tokong Kim Eng.

"Pada waktu puncak, kira-kira 2,300 buah kenderaan setiap jam melalui kawasan terbabit dan diharap dengan pelebaran tersebut ia dapat memanfaatkan pengguna lebuhraya ini," ujarnya selepas mengadakan lawatan ke tapak projek pelebaran Lebuhraya Thean Teik di sini baru-baru ini.



# Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat & Selamat